

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

### KP PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK & MEDIA JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

---

**KETUA PTJ :**

HARYANI BINTI HARON

**KETUA UNIT KUALITI :**

NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH

**PENYELARAS :**

NUR HAZWANI AQILAH BINTI ABDUL WAHID

**PENULIS :**

1. NURUL SYAZA BINTI ABDUL LATIF
2. SITI KHATIJAH NOR BINTI ABDUL RAHIM
3. NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH
4. NOR DIANA BINTI AHMAD
5. ROSELAH BINTI OSMAN
6. IZZATI KHALIDAH BINTI KHALID
7. SARAH NADIRAH BINTI MOHD JOHARI

8. NORDIANA ROSDI
9. SERIPAH BINTI AWANG KECHIL
10. SITI AFIQAH BINTI MUHAMAD JAMIL
11. HAIRANI BT WAHAB
12. EZZA RAFEDZIAWATI BT KAMAL RAFEDZI
13. MAZWANI AYU BINTI MAZLAN
14. MOHAMMAD FAZLI BIN BAHARUDDIN
15. NUR HAZWANI AQILAH BINTI ABDUL WAHID
16. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
17. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
18. NORZAIDAH BINTI MD NOH
19. NURUL SYAZA BINTI ABDUL LATIF
20. SITI KHATIJAH NOR BINTI ABDUL RAHIM
21. NATRAH BINTI ABDULLAH @ DOLAH
22. NOR DIANA BINTI AHMAD
23. ROSELAH BINTI OSMAN
24. IZZATI KHALIDAH BINTI KHALID
25. SARAH NADIRAH BINTI MOHD JOHARI
26. NORDIANA ROSDI
27. SERIPAH BINTI AWANG KECHIL
28. SITI AFIQAH BINTI MUHAMAD JAMIL
29. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
30. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
31. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
32. HARLIZA BINTI MOHD HANIF
33. MAZWANI AYU BINTI MAZLAN
34. MOHAMMAD FAZLI BIN BAHARUDDIN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan yang melonjak hasil dalam bidang industri dan keusahawanan KPPIM 2022 bermula dari kepimpinan FSKM dimana kumpulan ini yang merancang pada tahun 2021 dan melaksanakan strategi sehingga September 2022. 1 Oktober 2022 setelah penggabungan 3 fakulti menjadi KPPIM, maka kumpulan kepimpinan yang baharu ini telah melaksanakan pelan tindakan sedia ada disamping penambahan strategi baharu.

**Pendekatan Perancangan** dengan penetapan Visi, Misi dan tagline **#Accentuate Excellence** oleh Kepimpinan Kanan adalah berlandaskan **Visi dan Misi UiTM. Dekan** sebagai peneraju utama bagi perancangan dibantu oleh **Pengurusan Kanan** yang terdiri dari TD(HEA), TD(PJIMA), TD(HEP), Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit Kualiti, Ketua Unit Korporat dan Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti(PSTU). Pengurusan Kepimpinan menggunakan fasa Strategik, Eksekutif dan Operasi. Fasa Strategik menggunakan pendekatan oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik, Fasa Eksekutif menggunakan pendekatan oleh Jawatankuasa Eksekutif dan Fasa Operasi menggunakan pendekatan oleh jawatankuasa di peringkat Ketua Bahagian/Pejabat/Unit. Semua inisiatif bersama industri dan keusahawanan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Eksekutif agar selari dengan Misi dan Visi UiTM.

Okt 2022, Kepimpinan KPPIM meneruskan **pendekatan perancangan** yang sama dengan tagline baharu **#Iconic and Impactful. PNC** sebagai peneraju utama dibantu oleh Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan memantapkan lagi perancangan dan pelaksanaan menggunakan 3 fasa yang sama iaitu Strategik, Eksekutif dan Operasi.

**Pelaksanaan** bidang tumpuan berdasarkan tema amanat Naib Canselor UiTM tahun 2022 yang menekankan **memperkasa jaringan strategik dengan industri** melalui MoU/MoA. Amanat Naib Canselor juga menitik berat **culture of excellence** iaitu cara kerja yang cemerlang seiring dengan budaya kerja rakan industri. Pejabat PJIMA bertanggungjawab bagi **menggerakkan inisiatif** yang dirancang bersama Pejabat HEP, Pejabat HEA dan Pejabat Pentadbiran bagi **mencapai PI dan Objektif Kualiti**. Pelaksanaan cara kerja cemerlang seperti lantikan **seorang Liaison Officer(LO)** untuk **setiap MoU/MoA** yang dimeterai bagi memastikan segala perancangan dan aktiviti bersama industri berjalan seperti penetapan sasaran. Antara projek utama adalah **Digital Sandbox** dan **Evocity** mensasarkan penjana pendapatan serta program sumbangan kepada komuniti, **Microsoft Learn. Dilaksanakan bersama 3 LO** yang berbeza.

**Pemantauan** terhadap bidang tumpuan dilaksanakan secara **sistematik dan tersusun** melalui pelaporan, aplikasi, mesyuarat secara berkala, mesyuarat khas jika berkeperluan. Mesyuarat Eksekutif menyediakan **agenda khas** bagi tujuan pelaporan kemajuan bagi setiap suku tahun bagi melihat pencapaian bidang tumpuan. **Aplikasi Simulator Skor** digunakan bagi tujuan pemantauan **pencapaian bulanan PI** dan **e-Mesyuarat** untuk pelaksanaan mesyuarat-mesyuarat. Bagi memastikan kualiti hasil bersama industri adalah yang terbaik, KPPIM melaksanakan **benchmarking** terhadap produk yang dihasilkan melalui perbincangan bersama industri. Peranan **LO** amat penting agar sentiasa berhubung rapat dengan industri dan pelaporan.

Kepimpinan KPPIM menggalakan budaya **penambahbaikan berterusan** melalui mesyuarat dan komunikasi digital. Perbincangan yang lebih teliti di mesyuarat seperti Mesyuarat ICAN, Mesyuarat Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Spesifikasi Teknikal ICT dan Makmal serta MKSP bagi membincangkan tindakan hasil pemantauan. Aktiviti **inovasi dan penyelidikan** membantu staf membuat **penambahbaikan** melibatkan bidang tumpuan seperti **Microsoft Learn, Evocity** dan **Digital Sandbox**. KPPIM turut **menilai aduan** melalui aduan ICT, eAduan dan Aduan FSKM untuk **penambahbaikan pengurusan risiko** yang berkaitan dengan bidang tumpuan seperti peralatan ICT, capaian komunikasi dan status perisian. Ini adalah kerana hasil

tumpuan adalah melibatkan risiko teknis.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPPIM ditubuhkan pada Oktober 2022 hasil gabungan 3 fakulti. Laporan ini membincangkan pendekatan FSKM dan KPPIM setelah penubuhannya.

**Dekan** menerajui FSKM mengambil pendekatan bagi menyokong visi dan misi UiTM dengan mewujudkan **Misi dan Visi FSKM**. Melalui pelan **Perancangan Strategik FSKM** dengan tagline “Accentuate Excellence”, perancangan hala tuju fakulti bagi tempoh 5 tahun (2019 – 2023) yang selari dengan pelan strategik UiTM 2025 (2020 – 2025) dan Pelan Strategik Rancangan Malaysia Ke-11 UiTM 2016-2020 dibentuk. **4 teras** telah ditetapkan bagi mencapai bidang tumpuan industri dan keusahawanan iaitu *Sought after curriculum, Impactful Research, Job creators graduates dan Efficient & Dynamic Administrator*. **Dekan** dibantu oleh **Pengurusan Kanan FSKM** yang terdiri dari TD(HEA), TD(PJIMA), TD(HEP), Timbalan Pendaftar Kanan, Ketua Pusat Pengajian, Ketua Unit Kualiti, Ketua Unit Korporat dan Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti(PSTU). Pengurusan menggunakan fasa Strategik, Eksekutif dan Operasi. Fasa Strategik menggunakan pendekatan oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik, Fasa Eksekutif menggunakan pendekatan oleh Jawatankuasa Eksekutif dan Fasa Operasi menggunakan pendekatan oleh jawatankuasa di peringkat Ketua Bahagian/Pejabat/Unit. Semua inisiatif bersama industri dan keusahawanan perlu selari dengan Misi dan Visi UiTM (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.2.1).

Penubuhan KPPIM pada Oktober 2022, **PNC** mengetuai Kepimpinan Kolej. Usaha dan focus kepada bidang tumpuan tetap diteruskan melalui Pelan Strategik KPPIM 2025 (2022-2025) penetapan tagline **#Iconic&Impactful** dan mengariskan objektif kualiti dan penetapan 5 teras. Kepimpinan KPPIM meneruskan **pendekatan perancangan** yang sama dengan tagline baharu **#Iconic and Impactful**. **PNC** bersama Pengurusan Eksekutif dan Pengurusan Kanan memantapkan lagi perancangan dan pelaksanaan menggunakan 3 fasa yang sama iaitu Strategik, Eksekutif dan Operasi (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.2.2).

Kerjasama antara Kepimpinan Kanan dan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti, Masyarakat dan Alumni (PJIMA) telah merangka dan menyusun beberapa pendekatan. Pejabat PJIMA diberi **tanggungjawab** bagi melaksana, memantau dan penyelia inisiatif bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan. Bagi mengalas tanggungjawab ini terdapat 3 koordinator: Koordinator Penyelidikan, Inovasi & Perundingan, Koordinator (ICAN), **Koordinator Keusahawanan**, seorang Penolong Pendaftar Kanan, seorang Pegawai Eksekutif dan seorang Kerani ditempatkan di bahagian ini. Terdapat 2 orang penyelaras iaitu Penyelaras MyRA, Penyelaras PRISMA bagi membantu koordinator menyediakan pelaporan kemajuan bagi PI. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.2.3).

**Pendekatan kerjasama** MoU bersama **Microsoft Malaysia Sdn Bhd**, kontrak kajian bersama **Datasonic Technologies Sdn Bhd** dan MoA bersama **Smart Integratech Sdn Bhd** telah diambil. Pengurusan Eksekutif mengariskan objektif-objektif dan *timeline* bagi memastikan projek-projek tersebut mempunyai keberhasilan yang berimpak tinggi. Objektif MoU/MoA/Kontrak telah mengambilkira elemen inovasi dan pengkomersialan produk bagi tempoh yang telah ditetapkan. Pendekatan dengan menetapkan *Training on Trainer* juga telah berjaya melaksanakan perkongsian pengetahuan dengan pensyarah, pelajar dan komuniti luar. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.2.4).

**Penetapan 3 Objektif Kualiti** yang memberi tumpuan kepada Jaringan Industri dan Keusahawanan iaitu Objektif ke 3; 5% pelajar menjadi teknousahawan, Objektif ke 9; Jumlah geran penyelidikan mencapai RM1.5 juta setahun dan Objektif 13; Memastikan **kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan mengkomersialkan sekurang-kurangnya 1 produk hasil penyelidikan**, menjadi titik mula KPPIM berjaya dalam bidang tumpuan. Di samping itu juga pendekatan oleh KPPIM untuk mengekalkan **pengiktirafan industri** bagi memantapkan lagi bidang tumpuan. Pada tahun 2022 **penyambungan penarafan** “Premier Digital Tech Institute” (PDTI) telah diberikan kepada KPPIM sehingga 2025 (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.2.5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_K01\\_KB02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_K01\\_KB02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.2.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB02\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.2.4.pdf](#)
5. [B0085\\_K01\\_KB02\\_20235\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.2.5.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan hebahan tentang objektif dan inisiatif yang di rancang pendekatan **komunikasi berkesan** diamalkan dengan mengadakan sesi perbincangan bersama warga KPPIM melalui mesyuarat dan bengkel. **Unit Korporat KPPIM** memainkan peranan bagi menyebarkan maklumat melalui beberapa saluran komunikasi samada saluran rasmi atau tidak rasmi seperti BERNAMA Radio, UiTM Hub News, Website KPPIM, email UiTM, Instagram KPPIM dan sistem pesanan ringkas. Melalui bengkel-bengkel pula, pelanggan KPPIM mendapat manfaat mengenai teknologi dan ilmu pengetahuan terkini dari industri. Unit Kualiti mengambil pendekatan mewujudkan google site bagi komunikasi dikalangan AJK Perancangan Strategik KPPIM. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_ 1.3.1).

Bagi mencapai misi dan visi, mesyuarat plan tindakan strategik(SAP) dilaksanakan bagi melihat plan tindakan yang bersesuaian. Pelan tindakan tersebut dilaksanakan melalui perbincangan bersama jawatankuasa pelan tindakan strategik tahun 2022 yang dilantik. **Pejabat ICAN** memainkan peranan dalam menerajui perbincangan *industry linkages* semasa bengkel strategik bersama KPP, professor dan penyelaras, melaksanakan SWOT dan kenalpasti tindakan untuk mencapai inisiatif yang telah ditetapkan bagi memantapkan bidang tumpuan (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.3.2).

Bengkel SAP pula telah menetapkan 4 buah projek dipertanggungjawabkan kepada Pejabat ICAN dan 3 buah projek daripadanya tertumpu kepada pelan tindakan yang dibina berdasarkan bidang tumpuan industri dan keusahawanan. Tugas ini telah diterjemahkan dalam bentuk sasaran petunjuk prestasi (PI) kepada bahagian ini. Setiap projek mempunyai objektif yang khusus ke arah memantapkan Jaringan Industri & Keusahawanan. Setiap projek yang diterajui oleh seorang ketua dan AJK akan mengalas tanggungjawab memantau bagi memastikan PI berkaitan jaringan industri dan PI keusahawanan tercapai. KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.3.3 menunjukkan perincian projek-projek dan pemetaan kepada PI. Kesemua PI tersebut menyokong projek UiTM *VC Priority Project*.

Pelaksanaan seorang **LO untuk setiap MoU/MoA dan lantikan ketua dan ahli** dilantik bagi melaksana perancangan yang telah dirancang. Kumpulan ini akan mencadangkan dan melaksanakan aktiviti seperti webinar, bengkel, pertandingan bagi mencapai PI yang ditetapkan. Selain dari itu Pengurusan juga telah menetapkan Objektif Kualiti 2022 bagi meningkatkan jumlah geran penyelidikan melebihi RM1.5 juta termasuk geran bersama industri dan menetapkan 1 produk komersial dan 5% graduan menjadi usahawan. Pencapaian Objektif Kualiti FSKM 2022 di KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.3.4.

Kepimpinan Eksekutif menasaskan pencapaian **MoU/MoA bersama industri** iaitu 4 bersama industri antarabangsa dan 1 industri tempatan bagi tahun 2022. Selain dari itu juga perlu mencapai 3 penyelidik utama bagi geran **penyelidikan bersama industri** dan jumlah **geran bersama industri** sekurang-kurangnya RM750,000. Dengan adanya MoU dan geran penyelidikan ianya dapat memberi peluang sekurang-kurangnya 7 organisasi terlibat dalam aktiviti pencarian pekerjaan, 62 pelajar terlibat aktiviti di industri dan sekurang-kurangnya 79 pelajar dalam aktiviti inovasi. Tahun 2022, menunjukkan pencapaian PI yang baik bagi bidang tumpuan jaringan industri. Untuk menggerakkan bidang tumpuan keusahawanan, FSKM menetapkan 5 PI bagi melahirkan graduan yang terlibat dengan keusahawanan KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.3.5 menunjukkan PI dan pencapaian tahun 2022 dan pencapaian 100% bagi bidang tumpuan keusahawanan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_K01\\_KB03\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Kepimpinan\\_1.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB03\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Kepimpinan\\_1.3.2.pdf](#)



3. [B0085\\_K01\\_KB03\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB03\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.4.pdf](#)
5. [B0085\\_K01\\_KB03\\_20235\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Pemantauan** dilaksanakan oleh pengurusan eksekutif secara berkala di mesyuarat eksekutif yang berlaku setiap bulan. Aktiviti yang berkaitan jaringan industri dan keusahawanan dilaporkan ke Pejabat ICAN dan dibentangkan di Mesyuarat Eksekutif. Selain dari itu hasil pemantauan yang dibincangkan di mesyuarat seperti Mesyuarat Bahagian P&I, HEP, HEA, Mesyuarat Perancangan Strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dilaporkan bagi tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.1 menunjukkan taqwim, fungsi mesyuarat berdasarkan tadbir urus multi-sistem dan contoh minit mesyuarat tahun 2022. Mesyuarat ini telah berjaya memastikan pencapaian keseluruhan PI melebihi 93% semasa pelaporan pencapaian oleh Naib Canselor pada awal tahun 2023.

Pemantauan juga dilakukan melalui sistem **Simulasi Skor** yang dibangunkan oleh staf KPPIM bagi tujuan simulasi awal bagi pemantauan secara bulanan, **Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART)**, **Portal for Research and Innovation Management (PRIME)**, **NILAM**, **Scopus**, **eLatihan dan MyATP** Pejabat ICAN menggunakan sistem SMART untuk merekod data-data berkaitan industri. PRIME digunakan untuk memberi laporan aktiviti berkaitan penyelidikan, geran, pendaftaran IP dan komuniti. Sementara NILAM untuk mendaftarkan dan menjejak proses MoU/MoA/NDA. Bagi tujuan pemantauan dan penilaian pensyarah dan staf dalam penglibatan dengan industri melalui latihan eLatihan dan myATP membantu merekod dan memberikan laporan pencapaian staf. Pelaporan MoU, pendaftaran IP, latihan seterusnya dilaporkan oleh Dekan di Mesyuarat Eksekutif. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.3).

Pemantauan kemajuan perjanjian MoU/MoA melalui **pelaporan dari LO** dalam mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan seterusnya di bawa ke Mesyuarat Eksekutif bagi tujuan pelaporan dan tindakan penambahbaikan. Kemajuan PI MASMED dipantau melalui penyelar MASMED melalui pejabat ICAN. Sebarang kemajuan dilaporkan semasa mesyuarat dan tindakan susulan diminitkan dan akan dibawa untuk kelulusan Eksekutif (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.4).

**Jawatankuasa Kecil Spesifikasi Teknikal ICT dan Makmal diwujudkan** bagi memantau keperluan peralatan dengan membuat penilaian keperluan peralatan semasa 2 kali setahun dan memantau proses pembelian berlaku dengan memastikan barang dipesan sampai dalam masa yang munasabah. Hasil pemantaun di laporkan dalam Mesyuarat Eksekutif. **Pemantaun** juga berlaku semasa mesyuarat bersama **kumpulan projek dan industri secara berkala** juga dilaksanakan dan hasil pemantauan di laporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan seterusnya di Mesyuarat Eksekutif (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20235\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.1.5.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**Pemantauan** dilaksanakan oleh pengurusan eksekutif secara berkala di mesyuarat eksekutif yang berlaku setiap bulan. Aktiviti yang berkaitan jaringan industri dan keusahawanan dilaporkan ke Pejabat ICAN dan dibentangkan di Mesyuarat Eksekutif. Selain dari itu hasil pemantauan yang dibincangkan di mesyuarat seperti Mesyuarat Bahagian P&I, HEP, HEA, Mesyuarat Perancangan Strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dilaporkan bagi tujuan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.1 menunjukkan taqwim, fungsi mesyuarat berdasarkan tadbir urus multi-sistem dan contoh minit mesyuarat tahun 2022. Mesyuarat ini telah berjaya memastikan pencapaian keseluruhan PI melebihi 93% semasa pelaporan pencapaian oleh Naib Canselor pada awal tahun 2023.

Pemantauan juga dilakukan melalui sistem **Simulasi Skor** yang dibangunkan oleh staf KPPIM bagi tujuan simulasi awal bagi pemantauan secara bulanan, **Sistem Maklumat Analisa & Repositori (SMART)**, **Portal for Research and Innovation Management (PRIME)**, **NILAM**, **Scopus**, **eLatihan dan MyATP** Pejabat ICAN menggunakan sistem SMART untuk merekod data-data berkaitan industri. PRIME digunakan untuk memberi laporan aktiviti berkaitan penyelidikan, geran, pendaftaran IP dan komuniti. Sementara NILAM untuk mendaftarkan dan menjejak proses MoU/MoA/NDA. Bagi tujuan pemantauan dan penilaian pensyarah dan staf dalam penglibatan dengan industri melalui latihan eLatihan dan myATP membantu merekod dan memberikan laporan pencapaian staf. Pelaporan MoU, pendaftaran IP, latihan seterusnya dilaporkan oleh Dekan di Mesyuarat Eksekutif. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.3).

Pemantauan kemajuan perjanjian MoU/MoA melalui **pelaporan dari LO** dalam mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan seterusnya di bawa ke Mesyuarat Eksekutif bagi tujuan pelaporan dan tindakan penambahbaikan. Kemajuan PI MASMED dipantau melalui penyelar MASMED melalui pejabat ICAN. Sebarang kemajuan dilaporkan semasa mesyuarat dan tindakan susulan diminitkan dan akan dibawa untuk kelulusan Eksekutif (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.4).

**Jawatankuasa Kecil Spesifikasi Teknikal ICT dan Makmal diwujudkan** bagi memantau keperluan peralatan dengan membuat penilaian keperluan peralatan semasa 2 kali setahun dan memantau proses pembelian berlaku dengan memastikan barang dipesan sampai dalam masa yang munasabah. Hasil pemantaun di laporkan dalam Mesyuarat Eksekutif. **Pemantaun** juga berlaku semasa mesyuarat bersama **kumpulan projek dan industri secara berkala** juga dilaksanakan dan hasil pemantauan di laporkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) dan seterusnya di Mesyuarat Eksekutif (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.2.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.2.4.pdf](#)
- 5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pencapaian PI menjadi perhatian utama kepimpinan KPPIM. Melalui kaedah PDCA (Plan, Do, Check & Act) kepimpinan KPPIM sentiasa memastikan perancangan dibuat dengan teliti berpandukan Misi, Visi dan agenda UiTM. Inisiatif dipantau dengan menggunakan sistem pengurusan projek yang tersusun yang akan melalui tindakan pembetulan, penambahbaikan, pengkajian semula atau pengguguran. Antara medium yang digunakan adalah mesyuarat seperti Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, Mesyuarat Penyelidikan dan Mesyuarat ICAN, media digital (FSKM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.1) berserta bengkel.

Melalui mesyuarat eksekutif analisa dibuat ke atas sebarang permohonan baharu seperti MoU/MoA, kerjasama penyelidikan bersama industri dan panel industri. Industri yang dicadangkan melalui kertas cadangan oleh P&1 dan ICAN ke mesyuarat eksekutif akan diteliti **objektif kerjasama** dan **impak** kepada KPPIM. Adakah objektif menyokong Misi dan Visi UiTM, Objektif Kualiti dan membudayakan **#Accentuate Excellence**. **Juga dibincangkan implikasi kewangan sesuatu MoU/MoA beserta perancangan jangka panjang bagi memastikan terdapat nilai tambah kepada pelanggan KPPIM. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.1)**

Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF) ahli-ahli mesyuarat akan membincangkan dan menganalisa melalui pelaporan dari penyelarasan dan LO. Agenda Jawatankuasa Penyelidikan disusun dan termasuklah agenda bertujau menilai dan menganalisa isu berkaitan industri, keusahawanan, alumni dan komuniti. Sebagai contoh, agenda bagi pemakluman Penyelidikan bersama Datasonic bagi tumpuan hasil, Digital Sandbox. Pengenalpasti risiko dan menganalisa risiko bagi kertas cadangan penyelidikan. Juga dimasukkan agenda bagi pelaporan kemajuan PI dimana hasil analisa pencapaian kemajuan PI dibentangkan. **(KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.2)**

Melalui Mesyuarat ICAN ahli-ahli mesyuarat akan mengesyorkan program jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan, dan kebolehpasaran graduan yang merujuk kepada objektif dan bidang tumpuan fakulti. Agenda Jawatankuasa disusun dan termasuklah agenda bertujuan menilai dan menganalisa isu berkaitan industri, keusahawanan, alumni dan komuniti. Sebagai contoh, agenda Mesyuarat ICAN bagi **pelaporan Keusahawanan, pelaporan Projek Evocity** dan pelaporan analisa MoU dan kerjasama industri. **(KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.3)**

Melalui mesyuarat MKSP, laporan objektif kualiti dan risiko KPPIM diteliti. Selain dari itu kepuasan pelanggan, laporan penemuan hasil Audit Dalam, Prestasi Pembekal Luar, Kecukupan sumber dianalisa. Di KPPIM terdapat 3 saluran aduan yang diaktifkan (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.4) bagi membolehkan warga menyalurkan aduan berkenaan dengan fasiliti, ICT, aduan-aduan lain. Aduan-aduan dianalisa dan dilaporkan dalam MKSP.

Melalui data dari social media, borang aduan program bertujuan untuk mendapat maklum balas mengenai kualiti sesuatu program untuk dapatkan cadangan untuk penambahbaikan (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.4.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.4.pdf](#)
5. [B0085\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20235\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.4.3.5.pdf](#)



## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan KPPIM akan memastikan objektif dan inisiatif strategik yang dirancang adalah berlandaskan teras universiti. Justeru, Kepimpinan merangka pelbagai inisiatif baharu menuju **#Accentuate Excellence** melalui 3 pendekatan iaitu **pensijilan profesional, prasarana yang bercirikan industri** bagi melahirkan graduan “industry preferred choice” berserta **program keusahawanan** yang melibatkan aktiviti usahawan bagi melahirkan graduan mempunyai keupayaan berdaya saing.

**Pendekatan bagi** mendapatkan pensijilan profesional bagi pensyarah dan pelajar dapat membudayakan jaringan industri. Peluang yang diperolehi dari kolaborasi MoU dan MoA membolehkan pensyarah dan pelajar mendapat pensijilan profesional dari industri seperti Cisco, Microsoft, SAS dan *Sijil Profesional Cybersecurity Analyst* (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.5.1).

Langkah proaktif menyemarakkan lagi hubungan industri telah dibuat dengan membuka peluang kepada semua warga FSKM berinteraksi melalui sesi perbincangan dan lawatan. Pendekatan membawa industri ke fakulti melalui sesi ceramah mengenai perkembangan terkini dalam bidang kepakaran kepada pelajar dan pensyarah FSKM dan juga *colaborative teaching* memberi manfaat bukan sahaja kepada UiTM tetapi juga kepada pelanggan UiTM yang lain seperti pelajar mobiliti (inbound) (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.5.2).

Selain dari itu KPPIM telah melantik mengambil **pendekatan** melantik panel industri dan profesor adjung bagi memperkukuhkan keberadaan industri di UiTM. Aktiviti bersama industri seperti Technology Depository Agency, Datasonic Sdn, Bhd, Persatuan Autisme Malaysia (NASOM), Microsoft, Institute and Faculty of Actuaries (IFoA) UK, Society of Actuaries (SOA), Amerika Syarikat dan banyak lagi yang memberi pelbagai faedah kepada pelajar dan pensyarah. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.5.3)

Prasarana adalah signifikan kepada kelangsungan bidang tumpuan industri. Ianya menyokong penuh kepada keberhasilan graduan yang program dan menarik minat lebih ramai pelajar untuk bersama-sama turut serta di dalam program yang dirancang dan bersedia melibatkan diri dengan aktiviti bertaraf industri. Antara prasarana yang disediakan di KPPIM adalah makmal-makmal seperti **Makmal Evocity, Makmal Cisco, Big Data Lab dan Microsoft Certiport** yang mendapat pengiktirafan industri, pusat kecemerlangan iaitu **Cybersecurity and Digital Forensic Competence Center**, Pusat Penyelidikan **National Autism Research Centre dan Pusat Koordinasi Pensijilan Profesional Actuarial Resource Centre**. (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.5.4)

- Journal dan newsletter sebagai platform membudayakan penulisan dan penerbitan hasil kerjasama bersama industri
- Konferensi anjuran KPPIM membudayakan amalan perkongsian ilmu bersama warga luar UiTM
- Pertandingan tahunan anjuran KPPIM mengekalkan budaya pensijilan

KPPIM mengambil inisiatif bagi membudayakan keusahawanan di kalanganarganya. Persatuan keusahawanan dan biro keusahawanan untuk setiap 16 kelab pelajar dimantapkan bagi menggalakkan sebarang aktiviti perniagaan. Pengurusan Kanan juga menyokong bagi menyediakan satu ruang niaga di dalam kampus bagi memberi ruang perniagaan yang strategik dan selesa. Inisiatif NARC menubuhkan platform niaga atas talian iaitu NARC Autism Mall (<https://autismmall.uitm.edu.my/>) memberi impak yang positif kepada warga KPPIM dan UiTM. Dalam masa yang sama projek Evocity telah berjaya mendapatkan 2 sijil hakcipta dan dalam jangka masa terdekat akan mengkomersialkan produk (KPPIM\_Lampiran\_Kepimpinan\_1.5.5)

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_K01\\_KB05\\_20231\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.5.1.pdf](#)
2. [B0085\\_K01\\_KB05\\_20232\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.5.2.pdf](#)
3. [B0085\\_K01\\_KB05\\_20233\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.5.3.pdf](#)
4. [B0085\\_K01\\_KB05\\_20234\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.5.4.pdf](#)
5. [B0085\\_K01\\_KB05\\_20235\\_KPPIM Lampiran Kepimpinan 1.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Perancangan** strategik merupakan perancangan proses bagi menzahirkan visi, misi, dan objektif sesebuah organisasi. Agenda transformasi Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang dikenali sebagai Pelan Strategik UiTM 2025 (UiTM2025), dirangka menerusi rangka kerja lima tahun antara 2020 hingga 2025, bagi melonjakkan UiTM menjadi universiti bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan. KPPIM mengambil langkah proaktif mengatur strategi bagi merealisasikan UiTM2025 dengan merangka inisiatif strategik bertemakan "Unleashing Our Potentials, Shaping the UiTM's Future". Pelan ini berasaskan objektif "Global Branding and Smart Partnership" dibentuk bagi memperkenalkan KPPIM di mata dunia. Antara lain, pelan ini turut merangkumi bidang tumpuan untuk AKNC tahun ini, iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&U).

KPPIM telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS) yang terlibat dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dalam setiap bidang tumpuan. **Pendekatan** KPPIM dengan tertubuhnya Jawatankuasa Perancangan Strategik ini adalah dengan membentuk tiga belas (13) projek dalam mana setiap projek diperincikan dengan objektif dan inisiatif yang dipetakan khusus kepada Inisiatif Utama UiTM2025. Projek-projek tersebut adalah lima buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), tiga buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), empat buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada bagi Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, dan sebuah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pentadbiran. Kesemua tiga belas ketua projek ini diterajui oleh staf berpengalaman, manakala ahli projeknya pula terdiri daripada pelbagai peringkat staf akademik dan pentadbiran. Antara projek yang dilaksanakan dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan adalah projek **#Microsoft Learn**, **#Digital Sandbox** dan **#Evocity**. Kesemua projek ini berjaya menghasilkan jaringan yang mantap dengan pihak industri, antaranya **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd**, **Datasonic Technologies Sdn Bhd** dan **Smart Integratech Sdn Bhd**.

**Pemantauan** bagi pelaksanaan setiap projek dijalankan secara berkala setiap bulan. Kitaran pemantauan bermula dengan pengumpulan maklumat daripada setiap projek melalui beberapa sistem maklumat. Seterusnya, pelaporan terperinci dihantar ke BTU melalui sistem atas talian UePMO dan UiTM Strategic Management System (UiSMS) dikemaskini juga di dalam pangkalan data JKPS. Dalam masa yang sama, pembentangan pencapaian bulanan dijalankan di dalam Mesyuarat Eksekutif (ME) dan seterusnya tindakan penambahbaikan dijalankan di setiap bahagian yang bertanggungjawab. Kitaran ini berulang setiap bulan sehingga hujung tahun 2022.

Penglibatan dan maklumbalas dari setiap warga KPPIM yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar memungkinkan kejayaan dan penambahbaikan **pelaksanaan** aktiviti-aktiviti dari projek-projek yang telah dirancang. KPPIM menyediakan pelbagai platform atas talian bagi menghebahkan aktiviti yang telah dirancang dengan tujuan mendapatkan maklumbalas dan penambahbaikan seperti **#Aplikasi KitaFSKM**, **#Instagram KPPIM**, **#Aduan FSKM**, **#Aduan ICT**, **#Aduan Fasiliti**, **#Laman Web KPPIM**, **#UiTM News Hub**.

**Pencapaian** sasaran KPPIM pada tahun 2022 amat membanggakan dalam mana KPPIM berjaya mencapai **ENAM BINTANG** dengan **skor i-UiTM** sebanyak **93%**. Ketiga-tiga buah projek yang tertumpu kepada **bidang jaringan industri dan keusahawanan** berjaya mencapai **100% sasaran** yang telah ditetapkan untuk tahun 2022. Secara keseluruhannya, KPPIM berjaya berada di ranking ke-4 dalam kalangan semua fakulti & kolej di UiTM.



## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan KPPIM dalam menyokong Pelan Perancangan Strategik yang bertemakan "Unleashing Our Potentials, Shaping the UiTM's Future" telah berjaya memperkenalkan KPPIM di mata dunia sejajar dengan mencapai matlamat Universiti Terkemuka Dunia 2025.

Asas pembentukan Pelan Strategik KPPIM 2022 adalah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 yang telah dilancarkan pada tahun 2020. Untuk penyediaan Pelan Perancangan Strategik ini, beberapa proses berikut telah dilaksanakan:

1. Perbincangan Pengurusan Eksekutif Kolej
2. Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Strategik Kolej
3. Penganjuran beberapa siri bengkel strategik meliputi:
  - Analisis keadaan semasa serta pencapaian tahun sebelum.
  - Pembentukan projek-projek strategik dan penyediaan dokumen berdasarkan 3 teras strategik dalam Pelan Strategik UiTM2025 (Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global & Prestasi Berorientasikan Nilai)
  - Mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi oleh setiap projek

Untuk menghasilkan Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022, beberapa siri perbincangan telah diadakan seperti berikut:

1. Perbincangan Performance Indicator (PI) KPPIM 2022 berlangsung di Smart Classroom, KPPIM pada 20 Januari 2022.
2. Perbincangan Susulan PI berlangsung di Bayview, Melaka pada 22-24 Mac 2022.

Peserta yang terlibat dalam menghasilkan Perancangan Strategik KPPIM terdiri daripada ahli Pengurusan Kanan Kolej, semua Ketua Pusat Pengajian, seorang Profesor Kolej, dan juga beberapa orang pensyarah kanan dan pensyarah baharu. Ini menunjukkan bahawa perancangan strategik telah mengambil kira penglibatan dan maklum balas daripada staf pelbagai peringkat di kolej iaitu pihak pengurusan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Selaras dengan pembentukan Pelan Perancangan Strategik 2022, KPPIM telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik dengan tujuan memastikan pelan strategik yang dirancang dapat dijalankan dengan sistematik dan teratur. Jawatankuasa ini dinaungi oleh PNC dan Pengurusan Kanan, diketuai oleh Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) dan dibantu oleh dua orang setiausaha. Ahli Jawatankuasa pula terdiri daripada pengurus projek yang bertanggungjawab membantu menyediakan Pelan Tindakan Strategik bagi melaksanakan objektif dan inisiatif strategik KPPIM. (KPPIM\_ Lampiran\_ Strategik\_ 2.2.1)

Pada tahun 2022, sebanyak 13 buah projek telah dibentuk di bawah tanggungjawab ketua-ketua jabatan yang terbabit. Setiap projek dibentuk dengan Pelan Tindakan Strategik yang unik dalam mana 5 buah projek dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Akademik, 3 buah projek dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar, 4 buah projek dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, dan sebuah projek dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pentadbiran. Pembentukan 13 buah projek tersebut diperincikan dengan objektif dan inisiatif yang dipetakan khusus kepada Inisiatif Utama UiTM2025. 3 buah projek daripada 13 buah projek tersebut tertumpu kepada pelan tindakan yang dibina berdasarkan bidang tumpuan adalah (1) **Microsoft Learn** (2) **Digital Sandbox** dan (3) **Evocity**. Setiap projek mempunyai objektif yang khusus ke arah memantapkan Jaringan Industri & Keusahawanan. Dalam konteks kolaborasi dengan industri ini, satu SWOT analisis turut dibangunkan (KPPIM\_ Lampiran\_ Strategik\_ 2.2.1) & (KPPIM\_ Lampiran\_ Strategik\_ 2.2.2).

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_P01\\_PB02\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.2.1docx.pdf](#)
2. [B0085\\_P01\\_PB02\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.2.2 docx..pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kesemua 13 buah projek di bawah tanggungjawab ketua-ketua pejabat yang tertentu tertumpu kepada objektif dan inisiatif strategik KPPIM yang dilaksanakan sejajar dengan aspirasi UiTM. Setiap projek dibentuk dengan Pelan Tindakan Strategik yang unik dalam mana lima buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA), tiga buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP), empat buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada bagi Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, dan sebuah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pentadbiran. Umumnya, kesemua projek dibangunkan untuk meningkatkan keterlihatan (*visibility*) KPPIM di mata dunia, dalam mana UiTM bertindak sebagai penggerak melalui jaringan **kolaborasi** antarabangsa yang **strategik** dan **praktikal**.

Secara khususnya, 3 buah projek yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni dan telah dikenal pasti dalam menggerakkan bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan adalah **#Microsoft Learn**, **#Digital Sandbox** dan **#Evocity**. Kesemua projek ini berjaya mewujudkan jaringan kolaborasi yang melibatkan UiTM dengan **3 pihak industri** iaitu (1) **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd**, (2) **Datasonic Technologies Sdn Bhd** dan (3) **Smart Integratech Sdn Bhd** (KPPIM\_Lampiran\_Strategik\_2.3.1). Inisiatif 3 buah projek ini dibina berasaskan teras strategik 1 (Quality Education)(KPPIM\_Lampiran\_Strategik\_2.3.2).

**Melalui kolaborasi bersama Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd**, satu **Certiport Authorized Testing Centre (CATC)** telah dilancarkan dan ditubuhkan. Hasil kerjasama ini telah melengkapkan pelajar untuk memiliki pensijilan yang diperlukan industri. Projek ini disasarkan untuk mencapai beberapa PI berkaitan aktiviti pemindahan ilmu serta tanggungjawab sosial universiti dan yang menariknya satu **kontrak penyelidikan** telah **berjaya** ditandatangani antara UiTM dengan Microsoft. Sebagai tambahan, para pelajar turut berpeluang menduduki peperiksaan pensijilan dengan potongan yuran sebanyak 90%.

**Melalui kolaborasi bersama Datasonic Technologies Sdn Bhd**, satu **produk** iaitu "**Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention**" telah dibangunkan dan dijangkakan untuk **dikomersilkan** pada tahun ini. Produk ini adalah inisiatif **inovatif** yang bertujuan untuk meningkatkan langkah-langkah keselamatan siber melalui penggunaan teknik analitik data besar yang canggih. Dalam konteks projek ini, Digital Sandbox merujuk kepada persekitaran atau platform terkawal di mana pelbagai ancaman siber boleh disimulasikan dan dianalisis dengan selamat. Ia berfungsi sebagai medan ujian bagi para pakar keselamatan, penyelidik, dan ahli untuk mengkaji tingkah laku ancaman siber yang berbeza tanpa mendedahkan sistem produksi sebenar atau data yang sensitif. Dengan menggunakan pendekatan sandbox ini, profesional keselamatan dapat memperoleh wawasan tentang bagaimana ancaman beroperasi, membangunkan kaedah pemulihan yang berkesan, dan menyempurnakan strategi tindak balas kejadian. Projek ini disasarkan untuk mencapai beberapa PI berkaitan MoU/MoA dengan industri tempatan dan industri antarabangsa dan satu **MoA** telah **berjaya** ditandatangani antara UiTM dengan Datasonic Technologies Bhd.

**Melalui kolaborasi bersama Smart Integratech Sdn Bhd** dibawah kelolaan **BITCOM**, satu **projek Mikro Industry Hub (MIH)** atau dikenali sebagai **Evocity** telah dibentuk khususnya bagi melahirkan ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan seterusnya graduan yang aktif dalam bidang teknousahawan. Pelbagai aktiviti telah dirancang di bawah projek ini dan membabitkan penyertaan sebilangan besar pelajar dari kelab pelajar yang tertentu. Projek ini disasarkan untuk mencapai beberapa PI berkaitan MoU/MoA dengan industri tempatan dan industri antarabangsa dan satu **MoA** telah **berjaya** ditandatangani antara UiTM dengan Smart Integratech Sdn Bhd.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_P01\\_PB03\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_P01\\_PB03\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.3.2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Secara umumnya, KPPIM menjalankan sistem pemantauan mengikut garis masa yang ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) seperti yang ditunjukkan dalam carta alir (KPPIM Lampiran Strategik 2.4.1.1). Secara khususnya, KPPIM mempunyai pelan pemantauan yang dijalankan secara sistematik, dengan kerjasama pengurusan eksekutif Kolej, Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) dan juga Ahli Jawatankuasa Perancangan Strategik (JKPS). Proses pemantauan yang dilaksanakan secara bulanan di KPPIM berlangsung seperti berikut :

#### 1. Pengumpulan maklumat

- Pada setiap hujung bulan, pengurus projek melaporkan kesemua aktiviti yang telah dilaksanakan pada bulan tersebut kepada JKPS melalui Google Sheet. Laporan yang dikumpul meliputi maklumat pencapaian PI semasa bulan tersebut, berserta bahan bukti yang dikumpulkan ke dalam Google Drive.
- JKPS mengemaskini pangkalan data pencapaian PI yang dibina dalam Microsoft Excel bagi membolehkan analisa dijalankan.

#### 2. Pelaporan ke BTU

- Kesemua pencapaian PI pada bulan tersebut dilaporkan oleh PSTU ke dalam Sistem UePMO bagi memastikan semua maklumat tersebut dapat disemak oleh pemilik sasaran..
- Pemilik sasaran menjalankan semakan kepada semua data yang dilaporkan. Sekiranya terdapat maklumat yang tidak tepat, PSTU bertanggungjawab menjalankan verifikasi bersama pengurus projek.
- Pencapaian bulanan yang telah disemak akan disahkan oleh PNC KPPIM sebelum dimasukkan semula ke dalam sistem UePMO.
- Analisa pencapaian bulanan dapat dilihat melalui Dashboard PowerBI yang disediakan oleh BTU.

#### 3. Pelaporan ke ME

- JKPS menjalankan analisa pencapaian bulanan lalu menyediakan laporan untuk pengurusan eksekutif dan pengurusan kanan KPPIM. Pencapaian sasaran bulanan dibentangkan di dalam Mesyuarat Eksekutif, bagi memastikan proses pemantauan oleh pengurusan kanan KPPIM. Setiap Ketua Bahagian (Timbalan Dekan dan Timbalan Pendaftar Kanan) seterusnya bertanggungjawab memastikan penambahbaikan dijalankan di peringkat bahagian dan projek masing-masing.
- Sebarang risiko yang timbul, diberi perhatian agar penambahbaikan dapat diambil.

#### 4. Penambahbaikan

- Sebarang penambahbaikan dijalankan oleh setiap bahagian bagi memastikan pencapaian sasaran.
- JKPS juga dilibatkan di dalam perbincangan dan pelaksanaan aktiviti projek.
- Setiap Ketua Bahagian juga melaporkan penambahbaikan yang telah diambil di dalam

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_KPPIM Lampiran Strategik 2.4.1.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko yang dikenal pasti bagi 3 buah projek yang berkait secara langsung dengan bidang tumpuan iaitu 1) **Microsoft Learn**, 2) **Digital Sandbox**, dan 3) **Evocity** adalah merujuk kepada panduan pengguna modul *strategic action plan*. Modul ini diwujudkan untuk mengurus dan memantau risiko sesuatu projek yang dilaksanakan oleh kolej di bawah pelan strategik UiTM 2025.(KPPIM\_Lampiran\_Strategik\_2.4.2.1).Berikut adalah ringkasan risiko bagi 3 buah projek terbabit.

### 1) Risiko projek **Microsoft Learn**

**Sokongan berterusan daripada pihak industri** seperti Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd dan Acestar Solution Sdn. Bhd. dalam membantu menubuhkan dan menyelenggara sistem Certiport Authorized Testing Center (CATC). CATC merupakan satu platform yang digunakan untuk menjalankan peperiksaan pensijilan samada secara fizikal atau atas talian. Dalam konteks lain, projek ini juga berisiko menghadapi kegagalan sekiranya **jumlah penyertaan minimum pelajar berbayar** tidak dicapai, ini kerana pembelian voucher untuk projek ini menggunakan seed money yang telah dipinjamkan oleh tabung amanah yang mana ianya perlu dikembalikan semula kepada pihak pengurusan. Projek ini juga berisiko menghadapi kegagalan sekiranya **fada kerjasama** yang diberikan oleh **Microsoft Educator** yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah kolej pengajian.

### 2) Risiko projek **Digital Sandbox**

**Pemindahan teknologi** daripada industri ke universiti awam.Dalam konteks ini, ketidaksepadan universiti dalam menyediakan pelajar yang mempunyai kemahiran yang tinggi dalam keselamatan siber yang semakin meningkat membatasi objektif projek.Projek ini dibangunkan untuk membantu industri dengan menumpukan kepada pemindahan teknologi dan pengetahuan teknologi keselamatan siber dan teknologi data raya. KPPIM mengambil inisiatif sebagai sebuah pusat pengajaran dan pembelajaran dalam bidang keselamatan siber dan analitik data raya dilengkapi dengan kemudahan Security Operation Centre (SOC) dan makmal analitik data raya (BDA) yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Malaysia.

### 3) Risiko projek **Evocity**

**Kegagalan syarikat** Smart Integratech Sdn Bhd menyalurkan dana secara berperingkat mengikut masa yang ditetapkan kepada projek. Risiko lain terumpu kepada sumber manusia dan masalah teknikal.

Dalam konteks lain, risiko 3 buah projek ini turut dipengaruhi sekiranya terdapat ketidakstabilan politik (dalaman atau dari luaran UiTM), bencana alam, gangguan teknologi, kemelesetan ekonomi dan perubahan dalam undang-undang atau dasar. Secara umumnya, KPPIM telah mengurus risiko strategik yang bakal menjejaskan ketiga-tiga projek dengan mengenalpasti punca risiko,kawalan risiko,kawalan tambahan, dan tahap risiko. (KPPIM\_Lampiran\_Strategik\_2.4.2.2).

## **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.4.2.1 docx.pdf](#)
2. [B0085\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.4.2.2 docx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil penganalisaan perancangan strategik dilaksanakan setiap bulan dengan mengambil kira setiap maklumat yang dilaporkan oleh pengurus projek. Pangkalan data pencapaian PI yang dibina oleh JKPS sangat membantu proses menganalisa yang dijalankan setiap bulan. Pangkalan data ini dibuat menggunakan Microsoft Excel, dan ia dapat menjana graf yang diperlukan untuk dibentangkan.

#### **Pembentangan Analisa Pencapaian PI di Mesyuarat Eksekutif (ME)**

1. Setiap pembentangan oleh PSTU kepada ME, menitikberatkan pencapaian PI semasa merangkumi perkara berikut:
  - Analisa pencapaian keseluruhan KPPIM, juga mengambil kira tren pencapaian bulanan.
  - Analisa pencapaian mengikut bahagian dan projek, serta mengenalpasti PI yang belum tercapai dan pelan mitigasi sekiranya berisiko.
  - Simulasi pencapaian PI bagi mengenalpasti kebolehan dan kekuatan KPPIM terutama dalam bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan.
2. Perkongsian analisa tersebut memberi peluang kepada semua pengurusan eksekutif KPPIM untuk menyampaikan hasil pencapaian kepada para pensyarah mengikut bidang, bagi memastikan ia sampai kepada seluruh warga KPPIM. Pencapaian setiap projek dibentangkan untuk mengenalpasti progres dan kemampuan KPPIM untuk mencapai sasaran. Bagi memastikan tindakan penambahbaikan dijalankan, pembentangan tersebut diminitkan.
3. Pembentangan setiap ketua projek pula menekankan perkara yang berikut:
  - Progres pencapaian PI
  - Aktiviti yang dijalankan
  - Masalah yang dihadapi
4. KPPIM juga telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan. Hasil daripada kolaborasi dengan Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd, pencapaian PI 082 - Number of MoA/MoU with international industries, telah melebihi 100% sasaran bagi tahun 2021, manakala bagi tahun 2022 pula, PI 074 - Number of activities under MoA/MoU with international industries, telah mencapai 100% sasaran bagi tahun 2022 (KPPIM\_ Lampiran\_ Strategik 2.4.3.1).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Strategik 2.4.3.1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.



## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

KPPIM sentiasa menyemarakkan budaya kecemerlangan pendidikan tinggi selaras dengan sasaran strategik UiTM dalam bidang tumpuan, iaitu Jaringan Industri & Usahawanan (JI&U) agar sentiasa berada pada tahap pembudayaan yang konsisten sejak tahun 2021.

**Pelaksanaan dan pembudayaan** aktiviti berkaitan dengan JI&U di KPPIM pada tahun 2022 hampir seratus peratus bergantung pada penggunaan pelbagai medium di alam maya dan kecanggihan teknologi digital masa kini berikutan ketika itu kolej dalam fasa penggabungan tiga fakulti. Namun begitu, KPPIM mampu meneruskan visi dan misi kolej untuk menjalinkan **kolaborasi** dengan 3 **buah syarikat industri** dan seterusnya melahirkan **usahawan muda** dalam kalangan pelajar dan masyarakat setempat. Matlamat ini tidak mungkin dapat tercapai tanpa sokongan dan kerjasama yang padu dalam kalangan pengurusan kanan kolej, staf akademik, staf pentadbiran dan staf sokongan. Ini membuktikan sokongan tidak berbelah bahagi yang diberikan oleh setiap warga kolej tanpa mengambil kira pangkat dan jawatan demi kelangsungan misi dan visi KPPIM amat membanggakan.

**Penambahbaikan dan pembudayaan** aktiviti berkaitan dengan JI&U di KPPIM pada tahun 2022 tertumpu kepada pembangunan beberapa platform alam maya yang bersifat kontemporari, berbanding sebelum tahun 2021. Platform tersebut antara lain membabitkan **#Aplikasi KitaFSKM, #Instagram KPPIM, #Aduan FSKM # Aduan ICT, #Aduan Fasiliti # Laman Web KPPIM, dan #UiTM News Hub**. Semua platform ini diselia dan dikemaskini oleh unit dan bahagian yang telah dipertanggungjawabkan dengan cekap dan berkesan. Dalam konteks ini, bilangan pengikut atau pengguna yang mengikuti perkembangan semasa kolej berkaitan dengan JI&U melalui media sosial semakin hari semakin meningkat membuktikan hebahan dan maklumat tersebar luas dalam kalangan masyarakat dan warga UiTM. Langkah proaktif KPPIM dengan berkongsi semua perkara kepada warga KPPIM dan orang luar KPPIM dalam pelbagai platform atas talian atau laman web yang tertentu memaparkan satu tahap pembudayaan ICT yang menyeluruh di setiap pusat tanggungjawab bagi memperkasakan bidang jaringan industri dan keusahawanan (JI&U).

Selain daripada pembudayaan ICT, amalan pembentangan pencapaian JI&U KPPIM dan KPI BTU juga dilakukan secara berkala di dalam Mesyuarat Eksekutif (ME). Pencapaian ini kemudiannya dikongsi bersama warga kolej di Mesyuarat Akademik yang dijadualkan. Ini bertujuan bagi memastikan seluruh warga kolej mengetahui dan mengambil tahu pencapaian semasa KPPIM. Jika pencapaian semasa didapati tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, tindakan susulan atau penambahbaikan akan diambil untuk memastikan sasaran yang telah ditetapkan tercapai. Satu inovasi yang telah dibangunkan oleh kolej dalam usaha penambahbaikan perancangan strategik ialah **#FSKM STRATEGIC SITE**(KPPIM\_ Lampiran\_ Strategik\_ 2.5.2)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_P01\\_PB05\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Strategik\\_2.5..pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan memegang peranan utama dalam sebuah organisasi seperti di KPPIM, UiTM Shah Alam. KPPIM proaktif dalam meningkatkan kepuasan pelanggan ke tahap maksimal secara berterusan agar terus kekal relevan. Demi mencapai matlamat ini, pelanggan harus dikenalpasti dan diklasifikasikan supaya dapat merangka perancangan khusus dan tepat selaras kehendak pelanggan. Pelanggan KPPIM dikategorikan kepada empat kumpulan utama iaitu **pelanggan misi, pelanggan proses, pelanggan dalaman dan pelanggan luar**. Setiap pelanggan dari setiap kumpulan diidentifikasi untuk memudahkan pengumpulan maklumat dan analisa kehendak pelanggan. Selain itu, pelaksanaan kaedah pengumpulan maklumat dan data untuk tujuan pemantauan kehendak pelanggan telah diwujudkan. Data ini penting bagi melaksanakan penambahbaikan secara berterusan dapat dijalankan. Kemudian, perancangan untuk memenuhi kehendak pelanggan untuk setiap kategori dapat dilaksanakan.

Pengurusan KPPIM melakukan pendekatan melalui **Objektif Kualiti FSKM, Petunjuk Prestasi (PI), Industrial Partnership** iaitu projek teras **Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** dan **laporan maklumbalas pelanggan** sebagai indikator kejayaan demi menjayakan bidang tumpuan. Bagi memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan pengkomersilan produk hasil penyelidikan menjelang 2025 tercapai, KPPIM menggunakan empat langkah (*Plan, Do, Check, Act*) dalam **kategori tumpuan kepada pelanggan melalui jaringan industri dan keusahawanan**:

1. **Plan**: KPPIM merancang perancangan efektif dengan mengenal pasti manfaat, keperluan dan kehendak pelanggan serta menetapkan sasaran dan matlamat jelas dalam **Memorandum of Understanding (MoU)** dan **Memorandum of Agreement (MoA)** bersama industri iaitu **Microsoft Malaysia Sdn Bhd** (projek **Microsoft Learn**), **Datasonic Technologies Sdn Bhd** (projek **Digital Sandbox**) dan **Smart Ingratech Sdn Bhd** (projek **Evocity**). Dalam perancangan ini, isu berkaitan dengan pelanggan dan risiko–risiko yang timbul turut diidentifikasi.

2. **Do**: KPPIM melaksanakan perancangan tindakan bagi projek **Microsoft Learn, Digital Sandbox** dan **Evocity** yang melibatkan penyediaan perkhidmatan, pengurusan program, dan interaksi dengan pelanggan iaitu:

i. **UiTM-Microsoft** menganjurkan kursus bersiri **Microsoft Learn for Educators (MSLE)** bagi modul pensijilan **Microsoft** terkini dan penambahbaikan kurikulum bagi meningkatkan *Microsoft Future-Ready Skills* **pelanggan KPPIM**. KPPIM telah dilantik sebagai salah satu pusat **Certiport Authorized Testing Center (CATC)** yang diiktiraf bagi tujuan latihan dan pensijilan Microsoft.

ii. KPPIM bersama **Datasonic Technologies Sdn Bhd (DTSB)** melaksanakan projek **Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention** dengan geran **Cyber Security and Digital Forensic Computer Centre** dari **Kementerian Pengajian Tinggi** sebanyak **RM 1,091,000.00**. Tujuan projek adalah untuk membangunkan perisian keselamatan siber dan fasiliti makmal sebagai pusat latihan, penyelidikan dan pembelajaran dalam bidang keselamatan siber dan data raya.

iii. **Program MIH-IRL** diwujudkan oleh **Business Innovation & Technology Commercialization Centre (BITCOM)** di bawah pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi). KPPIM bekerjasama bersama **Smart Ingratech Sdn Bhd** melalui pembangunan projek **Evocity Mobile Application, Evo Dashboard, Evo Terminal** dan **Evo Enforce**.

3. **Check**: KPPIM melakukan pemantauan berterusan untuk menilai keberkesanan perancangan yang dilaksanakan. Pemantauan ini melibatkan pengumpulan data, analisis prestasi, dan maklumbalas dari pelanggan. Penilaian dilakukan untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan, mengenal pasti masalah yang timbul, dan mengukur pencapaian

matlamat yang telah ditetapkan.

4. **Act:** KPPIM mengambil tindakan penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi KPPIM. Bertepatan dengan **Pekeliling Naib Canselor Bilangan 1 Tahun 2016, Tadbir Urus Pengurusan Risiko Universiti** telah diluluskan oleh **Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti (MPRSU)** bagi memantapkan **pengurusan risiko UiTM**.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kerjasama KPPIM, UiTM Shah Alam bagi projek **Microsoft Learn, Digital Sandbox** dan **Evocity** ini menyasarkan **empat kumpulan utama pelanggan KPPIM** yang terdiri dari **pelanggan misi, pelanggan proses, pelanggan dalaman** dan **pelanggan luar** (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.1**). Kumpulan sasaran ini dikenalpasti dan dimasukkan ke dalam kertas kerja dalam melancarkan program yang dijalankan bagi **jejaring industri dan keusahawanan**. Manfaat kerjasama ini adalah menyeluruh bagi **pelanggan KPPIM** dalam melahirkan **teknousahawan pengkomputeran dan matematik** seperti penambahbaikan kerelevanan kurikulum akademik, kepakaran dan profesionalisme bumiputera berinovasi, peluang pekerjaan hasil pensijilan dan pelatihan, pemindahan teknologi dan pengetahuan, penajaan dan pertumbuhan ekonomi ( **KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.2, KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.3 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.4**). Pengurusan KPPIM melakukan pendekatan melalui **Objektif Kualiti FSKM, Petunjuk Prestasi (PI), Industrial Partnership** iaitu projek teras bagi **ICAN** dan **laporan maklumbalas pelanggan** sebagai indicator kejayaan demi menjayakan bidang tumpuan.

**Pelanggan misi** merupakan ibubapa/penjaga, penaja pelajar, Kementerian Pengajian Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, UiTM dan industri. Keyakinan **pelanggan misi** terhadap kolaborasi KPPIM bagi projek **Microsoft Learn, Digital Sandbox** dan **Evocity** adalah berteraskan potensi KPPIM mencapai prestasi akademik yang cemerlang, penawaran dan sumbangan KPPIM dalam pertumbuhan ekonomi melalui pengembangan pengkomersialan **teknousahawan**, dan menghasilkan graduan berkelulusan tinggi yang mendapat permintaan tinggi dari industri ( **KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.1 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.5**).

**Pelanggan proses** terdiri dari:

- a. Pengajaran & pembelajaran: Pelajar yang mengikuti program di fakulti/cawangan/pusat. Pensyarah, pentadbir akademik dan profesional, staf sokongan.
- b. Penyelidikan, perundingan & pengkomersialan: Pensyarah penyelidik, pegawai penyelidik dan pembantu penyelidik, pentadbir akademik dan profesional, staf sokongan.
- c. Jejaring industri dan masyarakat: Staf (akademik dan bukan akademik) dan pelajar yang terlibat dalam aktiviti jejaring industri, masyarakat dan alumni, pentadbir akademik dan profesional, staf sokongan. Definisi pensyarah di sini ialah staf yang memberi perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran, penyelidik, pentadbir akademik dan pensyarah profesional. Pentadbir akademik pula didefinisikan sebagai staf akademik yang memegang jawatan pentadbiran di universiti di samping melaksanakan tugas hakiki sebagai pensyarah (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.1 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.5**).

**Pelanggan dalaman** merupakan staf yang berkhidmat di kolej/cawangan seperti staf akademik dan staf pentadbiran.

Penglibatan industri dalam pengembangan kurikulum akademik KPPIM amat penting bagi **pelanggan proses dan pelanggan dalaman**. KPPIM dapat memastikan bahawa kurikulum yang ditawarkan sesuai dengan permintaan dan tuntutan pasaran kerja semasa, lanjutan dari **pemindahan teknologi dan pengetahuan** melalui dua kaedah iaitu **latihan dan pensijilan profesional**, dan **khidmat penggunaan infrastruktur makmal** hasil kolaborasi bersama. Kolaborasi bersama industri dapat memberikan peluang kepada KPPIM, pelajar dan pensyarah untuk terlibat dalam penelitian kursus, latihan dan pensijilan serta inovasi yang relevan dengan industri. Pelajar latihan industri turut berjaya dihasilkan hasil kolaborasi bagi projek **Microsoft Learn, Digital Sandbox** dan **Evocity**. Ini dapat meningkatkan kualiti penyelidikan, kepakaran dan profesionalisme bumiputera serta menyemarakkan hubungan KPPIM dan industri untuk manfaat bersama. Peningkatan reputasi dan kredibiliti KPPIM dapat menarik minat calon mahasiswa dan menarik perhatian lebih banyak industri untuk bekerjasama (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.1 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.5**).

**Pelanggan luar** merupakan universiti, industri, agensi kerajaan, masyarakat (komuniti termasuk alumni) dan lain-lain. Pelanggan luar perlu tahu bagaimana kolaborasi ini dapat meningkatkan prestasi, kualiti pendidikan, peluang kerjaya dan sumbangan pertumbuhan ekonomi yang ditawarkan KPPIM. Oleh itu, KPPIM perlu menyediakan platform **komunikasi berkesan agar perluasan dapat berlaku dengan baik kepada semua pelanggan KPPIM** (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.1 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.2.5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_T01\\_TB02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_T01\\_TB02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.2.3.pdf](#)
4. [B0085\\_T01\\_TB02\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.2.4.pdf](#)
5. [B0085\\_T01\\_TB02\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.2.5.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan inisiatif perancangan KPPIM bagi projek **Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity** dilakukan menggunakan kaedah **komunikasi berkesan** melalui **saluran media sosial rasmi KPPIM** iaitu **Facebook, Instagram dan Twitter KPPIM** oleh unit korporat KPPIM. Penyebaran maklumat turut melalui beberapa saluran komunikasi rasmi dan tidak rasmi seperti **TV1, radio BERNAMA, radio UFM, UiTM News Hub, laman sesawang KPPIM, email dan sistem pesanan ringkas**. KPPIM membangunkan berbagai sistem yang dapat menyimpan rekod dan data pelanggan KPPIM seterusnya memudahkan pelaksanaan aktiviti antaranya **sistem e-Mesyuarat, e-Jebat, e-Latihan, Nilams, Smart, Prime, Scopus dan e-Aset**. Dengan pelbagai sistem ini, KPPIM lebih tersusun dan cekap dalam pengurusan aktiviti dan program yang sedang dan bakal dijalankan. Data pelanggan dapat disimpan dengan lebih baik dan mudah diakses bagi memudahkan proses komunikasi dan interaksi (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.1**). **Laporan maklumbalas pelanggan** dan pemantauan program **Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity** membantu KPPIM meningkatkan kualiti dan manfaat aktiviti untuk pelanggan KPPIM (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.2**).

**Pelanggan proses dan pelanggan dalaman** KPPIM merupakan elemen penting dalam KPPIM apabila melibatkan kolaborasi KPPIM bagi projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity. KPPIM menggunakan perluasan melalui beberapa kaedah hebahan antaranya **email, surat jemputan, poster di media sosial (Facebook, Instagram dan Twitter KPPIM), laman sesawang KPPIM, Google sites dan siaran media dan pengumuman rasmi seperti siaran televisyen TV1**. Kaedah ini turut boleh digunapakai bagi perluasan untuk **pelanggan misi dan pelanggan luar** KPPIM (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.3**). Kepuasan dan prestasi pelajar adalah sangat penting buat KPPIM, segala maklumat penting berkaitan kepuasan dan prestasi pelajar disimpan oleh pihak **HEA** menggunakan **SIMS, SUFO dan UFUTURE** bagi tindakan lanjut penambahbaikan. Kemudahan aduan turut disediakan bagi memudahkan **pelanggan** KPPIM membuat aduan seperti **aduan KPPIM, aduan FSKM & FPM, aduan fasiliti dan aduan ICT**. **Kotak aduan kepuasan pelanggan** turut disediakan di kaunter-kaunter HEA, HEP, PJI, ICAN dan pentadbiran bagi mendapatkan penilaian kaunter perkhidmatan, kemudian data-data ini dianalisa bagi penambahbaikan (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.4**). Selain itu, **kebolehpasaran graduan (GE)** amat dititikberatkan dan KPPIM telah mengambil beberapa langkah antaranya **penambahbaikan kurikulum, penaiktarafan fasiliti dan infrastruktur, serta latihan dan pensijilan profesional** (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.5**).

Bagi perluasan **pelanggan misi dan pelanggan luar KPPIM** diletakkan di bawah tanggungjawab bahagian **Jaringan Industri, Komuniti & Alumni (ICAN)**. Projek teras ICAN adalah **Industrial Partnership** telah disasarkan oleh pengurusan KPPIM di Bengkel Pelan Tindakan Strategik 2022 yang telah dilaksanakan sebagai inisiatif bagi menjayakan bidang tumpuan. Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan **aktiviti bersama industri seperti konsultasi, perkongsian kepakaran, operasi penempatan latihan industri untuk pelajar, dan sebagainya**. Sebagai contoh, **Elite Security Operation Centre (SOC)** iaitu bengkel Sijil Profesional Cybersecurity Analyst yang disertai oleh peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan, syarikat persendirian, pensyarah separuh masa KPPIM dan pelajar sarjana. Jabatan kerajaan yang telah hadir adalah seperti dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Syarikat persendirian yang hadir adalah dari Datasonic Technologies Sdn Bhd. Terdapat juga dua orang pensyarah sambilan KPPIM dan seorang pelajar *Master of Cybersecurity and Digital Forensics (CS709)*. Selain itu, **Kursus Professional Cybersecurity, Latihan Profesional Security Operation Center Analyst dan BESPOKE UiTM** turut diadakan (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.3.3**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_T01\\_TB03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_T01\\_TB03\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_T01\\_TB03\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.3.4.pdf](#)
5. [B0085\\_T01\\_TB03\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan kerjasama KPPIM bagi projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity, adalah penting untuk memastikan pencapaian matlamat yang dikehendaki dalam MoU dan MoA yang ditandatangani tercapai. Pemantauan ini boleh dilakukan dengan pelbagai cara, antaranya:

**1. Penetapan matlamat dan penilaian prestasi:** Pengurusan KPPIM telah mengambil pendekatan holistik melalui beberapa inisiatif penilaian utama iaitu penekanan Objektif Kualiti FSKM, Petunjuk Prestasi (PI), projek teras ICAN *Industrial Partnership* dan laporan maklumbalas pelanggan telah diberi perhatian serius sebagai **indikator kejayaan KPPIM**. Penetapan matlamat dan penilaian prestasi ini bertujuan mewujudkan landasan kukuh bagi sasaran kejayaan dalam bidang tumpuan. Objektif Kualiti FSKM menyasarkan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu serta pengkomersilan produk hasil penyelidikan menjelang tahun 2025 (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.1.1**).

**2. Jawatan Kuasa pemantauan:** JK pemantauan seperti **Liaison Officer, ketua makmal, felo dan Educators** diwujudkan bagi membuat pemantauan secara berkala mengikut jadual laporan kemajuan dalam kolaborasi kedua-dua belah pihak yang mempunyai kepentingan dalam projek. JK pemantauan memantau kualiti, isu dan risiko, perbelanjaan dan anggaran, teknologi dan inovasi, dan akhir sekali impak kepada sosial dan ekonomi (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.1.2**).

**3. Penghargaan dan pengiktirafan:** Kolaborasi KPPIM bagi projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity memberi impak positif seperti **penaiktarafan makmal dan infrastruktur KPPIM** yang menjurus kepada pencapaian pendidikan berkualiti hingga menerima pengiktirafan **#PremierDigitalTechInstitution** pada 2022 oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) kepada KPPIM (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.1.3**). Penghargaan turut diberikan kepada kedua-dua pihak agar dapat meningkatkan usaha kolaborasi.

**4. Pelaporan dan maklumbalas pelanggan:** Pemantauan berterusan melalui pelaporan selepas penganjuran aktiviti dan maklumbalas pelanggan dilaksanakan bagi setiap program dan bengkel bagi tujuan perekodan dan penambahbaikan program di masa akan datang. Langkah ini dapat membantu dalam penilaian prestasi program, pengenalpastian keperluan penambahbaikan, seterusnya menjamin kepuasan pelanggan KPPIM. Terdapat pelaporan pelaporan melalui sistem iaitu **SMART, PRIME, NILAMs, SCOPUS, Excel KPI, e-Latihan dan MyATP** (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.1.4**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.1.4.pdf](#)



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

**Unit Pengurusan Risiko KPPIM** berperanan penting dalam mengenalpasti risiko-risiko yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian kolaborasi ini dalam keterlibatan pelanggan KPPIM. Oleh itu, beberapa bengkel mengenalpasti risiko telah dianjurkan (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.2.1**). Berikut merupakan risiko yang diambil kira, antaranya:

#### **Pelanggan Misi**

1. Ketidaksepadan **UiTM** dalam melatih pelajar dengan kemahiran tinggi dalam keselamatan siber membatasi objektif projek. Projek ini dibangunkan untuk membantu industri dengan menumpukan kepada pemindahan teknologi dan pengetahuan teknologi keselamatan siber dan teknologi data raya. Risiko adalah rendah kerana manfaat ilmu boleh digunapakai dalam bidang kepakaran masa hadapan.
2. **Penaja pelajar** menarik diri dari menaja pelajar disebabkan perubahan dasar kerajaan atau strategi. Risiko adalah rendah kerana bengkel atau program boleh diadakan secara percuma dan di atas talian bagi kemudahan bersama (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.2.2**).

#### **Pelanggan Proses dan Dalaman**

1. Jumlah **penyertaan bengkel minimum pelajar berbayar** tidak dicapai boleh mengakibatkan kerugian, ini kerana pembelian baucer untuk projek ini menggunakan *seed money* yang telah dipinjamkan oleh tabung amanah yang perlu dikembalikan kepada pihak pengurusan. Walaubagaimanapun, risiko adalah rendah kerana boleh diatasi dengan perancangan awal pihak penganjur program dengan memastikan kehadiran telah mencukupi sebelum bengkel dianjurkan.
2. Persaingan GE di kalangan pelajar di seluruh Malaysia untuk mendapatkan peluang pekerjaan amat sengit atas faktor **kualiti pendidikan** yang ditawarkan terutamanya sijil-sijil professional. Risiko adalah rendah kerana kolaborasi KPPIM bagi projek Microsoft dan Digital Sandbox telah banyak menyediakan peluang kepada pelajar KPPIM untuk memiliki sijil-sijil professional ini.
3. *Educators* atau *instructors* bengkel yang terdiri dari kalangan **pensyarah** KPPIM tidak mempunyai masa untuk melaksanakan bengkel dan masalah pertukaran **Educators** yang tidak dijangkakan seperti sakit dan sebagainya. Walaubagaimanapun, risiko adalah rendah kerana terdapat ramai *Educators* terlatih di KPPIM dan pihak KPPIM boleh menjemput *Educators* gantian berpengalaman (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.2.2**).

#### **Pelanggan Luar**

1. Pihak **industri** tidak menyalurkan dana secara berperingkat mengikut garis masa yang ditetapkan di dalam perjanjian. Risiko adalah rendah kerana KPPIM masih boleh menggunakan kemudahan sedia ada yang dilengkapi dengan makmal-makmal dan infrastruktur terkini yang telah dinaiktaraf di KPPIM.
2. Kekurangan kemudahan akses pihak **industri** datang melawat KPPIM terutamanya kemudahan meletak kenderaan di KPPIM. Walaubagaimanapun, risiko adalah rendah kerana KPPIM telah menyediakan kemudahan meletak kenderaan khas buat pelawat KPPIM (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.2.2**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Pelanggan\\_3.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Pelanggan\\_3.4.2.2.pdf](#)
- 3.

4.

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Matlamat KPPIM melalui **Objektif Kualiti FSKM, Petunjuk Prestasi (PI), Industrial Partnership** iaitu projek teras **ICAN** dan **laporan maklumbalas pelanggan** merupakan indikator kejayaan demi menjayakan bidang tumpuan. Berdasarkan pelaporan maklumbalas memberangsangkan dari kolaborasi projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity menunjukkan keberkesannya. Oleh itu, pihak pengurusan telah melaksanakan beberapa tindakan di atas maklumbalas tersebut:

**1. Apresiasi dan Penghargaan:** Pihak pengurusan menghargai dan mengiktiraf semua pihak yang terlibat dalam usahasama ini bagi memotivasi pencapaian lebih tinggi, dan memperkuat semangat kerjasama. Antara beberapa bentuk apresiasi yang diberikan adalah: lantikan staf UiTM sebagai **Liaison Officer, Ketua Makmal, felo, Educators, Instructors dan pelajar latihan industri, pensijilan professional dan anugerah, elau** kepada *protégé* dan **honorarium** kepada *Educators*, **pengiktiraf sosial di dalam email, instagram, facebook dan twitter**, dan **sesi penghargaan anugerah (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.3.1)**.

**2. Analisis dan Evaluasi:** Pemahaman terhadap **kebolehpasaran graduan (GE)** adalah penting agar keperluan pasaran pekerjaan dalam sesebuah industri dapat dikenalpasti. Pihak pengurusan melakukan analisis dan evaluasi terhadap **maklumbalas pelanggan dan perbandingan tren dari projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity**. Ini bertujuan untuk memahami keutamaan peserta dan meningkatkan kualiti program seterusnya. KPPIM komited dalam usaha meningkatkan GE, oleh itu, ICAN KPPIM bersama **PERKESO** tekad dalam meningkatkan GE UiTM (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.3.2 dan KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.3.3**).

**3. Perluasan Program:** Berdasarkan kejayaan kolaborasi, pihak pengurusan mempertimbangkan untuk menyelenggarakan lebih banyak program serupa atau bengkel lanjutan. Program dan bengkel ini juga akan diadakan secara **percuma** untuk menarik minat lebih ramai peserta agar dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi yang menjurus kepada **peningkatan kadar GE**. Selain itu, pihak ICAN juga memberi sokongan dengan menganjurkan **program anjuran ICAN, BESPOKE dan lain-lain** untuk membantu graduan dan alumni dalam mencari peluang pekerjaan (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.3.3**).

**4. Promosi dan Komunikasi:** Pihak pengurusan mengambil langkah **komunikasi berkesan** melalui **saluran media sosial rasmi KPPIM** iaitu **Facebook, Instagram dan Twitter KPPIM**. Selain itu, **TV1, radio BERNAMA, radio UFM, UiTM News Hub, laman sesawang KPPIM, surat jemputan, email dan system pesanan ringkas** membantu mempromosikan pelbagai program secara meluas agar manfaat dapat dinikmati bersama. Strategi ini dapat meningkatkan penyertaan dan manfaat maksimum dari penganjuran program. Aktiviti bersama industri diwarwarkan melalui platform seperti email, poster, laman sesawang dan laman sosial seperti Facebook dan Instagram (**KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.4.3.4**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.4.3.4.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan KPPIM mengumpul maklumat dari pelbagai platform untuk kajian semula dan mengurus pelanggan KPPIM. Langkah ini penting untuk menilai keberkesanan inisiatif hingga meraih **Anugerah Kelestarian Kampus Hijau UiTM 2022 Pengiktirafan Berlian** dan **Anugerah Insentif Kecemerlangan Skor I-UiTM 2022 (6 Bintang)** (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.5.1). Kolaborasi ini menyumbang kepada **PI073, PI074, PI082, dan PI86**. Antara manfaat dari usahasama ini:

#### 1. Manfaat bagi Industri dan KPPIM (Pelanggan luar dan proses): (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.5.2)

i. Sinergi kolaborasi **UiTM–Microsoft** sebagai salah satu **Certiport di Malaysia**, membolehkan Microsoft Malaysia Sdn Bhd **menjana pendapatan melalui pembelian baucer peperiksaan** untuk peperiksaan pensijilan Microsoft di KPPIM. Kerjasama ini memastikan **KPPIM sentiasa melanggan produk Microsoft** dengan modul-modul terkini dalam menghasilkan **1 pelajar 1 sijil professional**.

ii. Projek **industri@universiti**, *Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention* dengan geran ICP RM1,091,000.00, bertujuan membangunkan pusat penyelidikan bidang keselamatan siber dan data raya bagi mengenalpasti dan menganalisis pelbagai jenis serangan siber melalui penubuhan Security Operation Centre serta makmal analitik data raya.

iii. **Syarikat Smart Integratech Sdn Bhd** dapat menggunakan **kepakaran pensyarah dan penyelidik KPPIM** dalam pembangunan aplikasi projek Evocity.

#### 2. Manfaat bagi KPPIM (Pelanggan misi, proses dan dalaman): (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.5.3)

i. Kerjasama ini melibatkan sumber manusia, maklumat, kepakaran dan **menaiktaraf fasiliti serta infrastruktur KPPIM** yang menjurus kepada pencapaian pendidikan berkualiti KPPIM hingga mendapat pengiktirafan **#PremierDigitalTechInstitution** pada 2022 oleh MDEC kepada KPPIM.

ii. KPPIM berjaya mendapatkan **500 certification license combo Exam Site Pack** dengan **pengurangan kos sebanyak 92%** untuk pelajar atau staf mendapatkan sijil profesional Microsoft. **KOLABORASI STRATEGIK** bersama Microsoft ini merangkul **TEMPAT PERTAMA** Kolaborasi Industri Terbaik Anugerah MeTIC.

iii. **Program Matematik dan Program Pengkomputeran** berjaya memperoleh akreditasi **MBOT**. Kolaborasi ini memperoleh penarafan **Quacquarelli Symonds (QS) 2023** melalui subjek **Computer Science and Information Systems** yang menyumbang kepada **Anugerah Insentif Kecemerlangan Pemberat 4 2022 (PI054: Number of indexed joint publication with industry collaborators)**. Ini memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah UiTM memperoleh kemahiran dan pengetahuan terkini dalam bidang **TEKNOLOGI DIGITAL**. Hasil pelbagai program dan aktiviti menyumbang kepada **Anugerah Penjana Pendapatan Cemerlang 2022 (PI117: Income generation for Kumpulan Wang Amanah from education/training programmes/academic programmes/competition)**.

iv. Beberapa **penerbitan berjaya dihasilkan** hasil kolaborasi ini dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan mempromosikan inovasi seterusnya menaikkan nama KPPIM.

#### 3. Manfaat bagi Pensyarah dan Pelajar KPPIM (Pelanggan proses dan dalaman): (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.5.4)

i. Pensyarah berpeluang mengikuti sijil professional dan memegang jawatan **Liaison Officer, Educators, Instructors, ketua makmal dan felo** yang membantu pembangunan kerjaya pensyarah. KPPIM menerima **Anugerah Insentif Kecemerlangan Pemberat 4 2022 (PI066: Total Amount of Research grants: International funded)** hasil usahasama ini.

ii. **Sijil professional dan kemahiran tambahan** membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan GE . Beberapa pelajar berpeluang menjadi *protégé* dengan pembiayaan. Pihak pengurusan menganjurkan pelbagai aktiviti dan memenangi **pertandingan inovasi** yang melibatkan pelanggan KPPIM. Ini menyumbang kepada **Anugerah Insentif Kecemerlangan Pemberat 4 2022 (PI045: *Number of student enrolment-international postgraduate student*)**.

#### **4. Manfaat bagi industri, komuniti luar dan alumni UiTM (Pelanggan luar): (KPPIM\_Lampiran\_Pelanggan\_3.5.5)**

i. Kerjasama persefahaman UiTM-Microsoft juga membuka peluang kepada cadangan **perjanjian persefahaman dengan industri lain seperti Acestor**.

ii. Kerjasama ini mengintegrasikan pengetahuan IT, inovasi, dan memperkukuhkan ekonomi daerah setempat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_T01\\_TB05\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.5.1.pdf](#)
2. [B0085\\_T01\\_TB05\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.5.2.pdf](#)
3. [B0085\\_T01\\_TB05\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.5.3.pdf](#)
4. [B0085\\_T01\\_TB05\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.5.4.pdf](#)
5. [B0085\\_T01\\_TB05\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pelanggan 3.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Menjelang awal tahun 2022, KPPIM telah mengatur rancangan strategik fakulti yang diberi oleh UiTM agar kolejdapat memperhebat lagi usaha bagi membentuk objektif, mengenal pasti risiko serta merancang aktiviti yang sesuai bagi mengikut projek di bawah bahagian masing–masing. Bagi mencapai sasaran PI, pihak kolej telah membahagikan kesemua PI dibawah empat (4) bahagian mengikut kesesuaian tugas masing–masing:

- 1) Bahagian HEA
- 2) Bahagian HEP
- 3) Bahagian PJI
- 4) Bahagian Pentadbiran KPPIM.

Setiap bahagian ini mempunyai beberapa projek yang diketuai oleh Pengurus Projek dan dibantu oleh ahli-ahlinya untuk merancang aktiviti serta dipantau dan perlu memberi laporan kemajuan data PI kepada penyelar perancangan strategik dan transformasi universiti, PSTU. Setiap Pengurus Projek PI akan membentangkan perkembangan hasil pencapaian data yang dikumpul dari aktiviti–aktiviti yang dijalankan di Mesyuarat Jawatankuasa ICAN yang dijalankan minima dua kali setahun dan juga memberi hasil pencapaian tersebut kepada penyelar PSTU pada hari keempat setiap bulan, Seterusnya, penyelar PSTU akan membentangkan kesemua pencapaian PI bagi kesemua empat (4) bahagian di Mesyuarat Eksekutif (ME) agar ahli mesyuarat ME dapat memantau kemajuan pencapaian data PI dan menyumbang pendapat dan bantuan sekiranya pencapaian PI jauh dari carta gantt.

Bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri, Pengurus Projek Outreach berkolaborasi bersama dengan setiap pusat pengajian penyelar Latihan Industri untuk mendapatkan maklumat-maklumat industri yang menerima pelajar KPPIM sebagai pelatih industri untuk merisik hubungan perkenalan terlebih dahulu bersama industri sebelum meneruskan kepada agenda yang seterusnya iaitu hubungan yang serius melalui perikatan perjanjian MoU atau MoA bersama dengan industri.

Pihak Pengurusan KPPIM juga melantik Penyelar Pengurusan Risiko untuk membantu kolej pengajian dalam mengukur risiko, analisis risiko dan serta membanteras risiko yang bakal dihadapi ketika menjalankan aktiviti yang dirancang oleh setiap Pengurus Projek. Tambah pula, Pemunya Risiko perlu mengenal pasti masalah yang bakal berlaku dan mengesan tahap risiko. Setiap jabatan dan bahagian akan mengesan, menilai serta membangunkan pelan pengurusan risiko mereka sendiri untuk dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko di KPPIM. Pejabat Jaringan, Industri, Alumni dan Keusahawanan (PJI) KPPIM juga akan mengawasi rapi perkara-perkara risiko yang telah dikesan melalui Mesyuarat Jawatankuasa ICAN sebelum dibentangkan ke ME untuk mendapat persetujuan dari ahli Mesyuarat Eksekutif.

Bagi menjamin objektif pelan strategik fakulti tercapai, KPPIM telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan keberkesanan program aktiviti yang dijalankan mencapai tahap yang memuaskan. Antaranya adalah dengan mengambil kira dan menganalisis maklum balas daripada borang kaji selidik kepuasan pelanggan untuk mencari ruang-ruang yang boleh ditambah baik serta mengesan kelemahan program aktiviti yang dijalankan dibawah setiap projek PI. Selain daripada itu, setiap program yang dijalankan diwajibkan untuk menghantar laporan program dalam masa dua (2) minggu.

Untuk memastikan kesinambungan projek, KPPIM telah mengenal pasti segelintir tenaga pengajar untuk melaksanakan program-program di bawah perjanjian MoU. Antara penambahbaikan lain yang dilaksanakan di KPPIM adalah menggalakkan staf akademik

menyerta aktiviti yang diadakan di bawah perjanjian MOU ini serta mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan prestasi staf dan juga kolej. Sebelum berakhirnya tahun 2022, KPPIM juga telah mengenal pasti Pengurus Projek yang baru bagi mencapai pelan strategik UiTM pada tahun 2023 dan telah mengadakan Bengkel Strategik Lonjakan, KPPIM di Port Dickson, Negeri Sembilan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan pertama yang diguna oleh KPPIM bagi mencapai pencapaian dalam bidang tumpuan iaitu Jaringan Industri pada tahun 2022 adalah pihak pengurusan atasan KPPIM mengagihkan tiga belas (13) buah projek strategik kepada empat (4) bahagian:

- 1) Bahagian HEA
- 2) Bahagian HEP
- 3) Bahagian PJI
- 4) Bahagian Pentadbiran KPPIM

Memandangkan bidang tumpuan kali ini adalah Jaringan Industri, PJI KPPIM memainkan peranan utama untuk mencapai pencapaian PI pada tahun 2022. Pejabat PJI diketuai oleh Dekan PJI, diikuti dengan empat (4) ahli Jawatankuasa PJI iaitu Koordinator Jaringan Industri, Koordinator Jaringan Komuniti, Koordinator Jaringan Alumni dan Ketua Unit ICAN (Pentadbir) (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.1).

Terdapat tiga projek strategik yang dipertanggungjawabkan oleh PJI iaitu Projek Outreach, Virtual Discourse dan Entrepreneurship dimana projek ini ditubuhkan sejak tahun 2021. Berikut merupakan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi pengukuran pencapaian data PI di KPPIM:

- a) Perancangan Strategik KPPIM bagi tahun 2021 dan 2022 (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.2).
- b) Perbandingan PI dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan pada tahun 2020, 2021 dan 2022 (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.3).

Bagi memastikan perancangan, kelancaran serta pemantauan program dijalankan, pihak PJI telah menubuh dan melantik satu ahli jawatankuasa ICAN (AJK ICAN) baru yang terdiri daripada Penolong Naib Canselor, PJI dan Bendahari Zon Fakulti (UKZ4). Dan juga turut terlibat dalam menjayakan bidang tumpuan adalah ketua-ketua Projek PI yang berada di bawah PJI untuk membantu mengurus dan menyelia data yang dikumpul daripada aktiviti mereka dan juga ahli turut hadir yang terdiri daripada Penyelaras Latihan Industri bagi kesemua pusat pengajian KPPIM (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.4) dimana jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat minima sebanyak dua kali setahun bagi perbincangan bakal mengadakan program yang berkaitan dengan bidang tumpuan serta memberi perkembangan pencapaian PI tahunan.

Bidang tumpuan jaringan industri dalam Projek Outreach sejak tahun 2021 telah tercetusnya dua (2) perikatan perjanjian melalui MoU/MoA Bersama industri (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.5):

- 1) MoU antara UiTM dan Microsoft Malaysia Sdn Bhd (19 Mac 2021 hingga 18 Mac 2024) **#Microsoft Learn**
- 2) MoA antara UiTM dengan Smart Integratech Sdn Bhd (11 April 2022 hingga 10 April 2025) **#Evocity**.

Sebelum adanya MoU/MoA diatas, pihak KPPIM telah melantik pegawai perhubungan untuk berkomunikasi dan menyelaras aktiviti yang telah dirancang selama tiga tahun perjanjian.

Bagi hasil **#Digital Sandbox**, Datasonic Technologies Sdn Bhd telah berkolaborasi bersama



KPPIM bagi projek industri@universiti di bawah Program Kolaborasi Industri (ICP) iaitu *Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention* pada tahun 2021 (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.5).

Memandangkan hasil bidang tumpuan jaringan industri telah termeterai dengan perikatan perjanjian, maka aktiviti-aktiviti bagi setiap MoU/MoA perlu dilaksanakan selama tiga tahun berturut-turut. Kertas kerja bagi setiap aktiviti perlu membuat kertas kerja bagi mendapat kelulusan dari pihak Kolej dan kertas kerja tersebut perlu dibawa ke mesyuarat yang bersesuaian agar pihak pengurusan Kolej bagi mendapat keputusan mesyuarat untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_A01\\_AB02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_A01\\_AB02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.3.pdf](#)
4. [B0085\\_A01\\_AB02\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.4.pdf](#)
5. [B0085\\_A01\\_AB02\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.2.5.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Dengan menggunakan kaedah dan sumber perancangan yang tepat bagi membuat penilaian. kekerapan data dikumpulkan dan dianalisa, pihak PJI KPPIM dapat memastikan matlamat pencapaian PI tahunan tercapai menjelang akhir tahun. Setiap pengurus projek dibawah AJK ICAN PJI KPPIM, mereka telah menghantar pencapaian data PI pada hari keempat setiap bulan melalui e-mel kepada penyelaras PSTU dan penyelaras PSTU akan memuatnaik data tersebut ke dalam sistem Bahagian Transformasi Universiti (BTU) serta membentangkan pencapaian data PI di ME agar ahli mesyuarat ME dapat memantau kemajuan pencapaian data PI dan menyumbang pendapat dan bantuan sekiranya pencapaian PI jauh dari carta gantt (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.1).

Bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Industri, Pengurus Projek Outreach berkolaborasi bersama dengan setiap pusat pengajian penyelaras Latihan Industri untuk mendapatkan maklumat-maklumat penglibatan industri yang menerima pelajar KPPIM dibawah Pusat Pengajian Sains Pengkomputeran dan Pusat Pengajian Sains Matematik sebagai pelatih industri (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.2). Tambahan pula, PJI KPPIM membantu pihak Kolej dengan proses permohonan dan memantau semua aktiviti yang bakal, sedang atau telah berlangsung. Aktiviti yang telah dijalankan, laporan aktiviti tersebut akan dimuatnaik ke dalam Sistem Maklumat Analisa dan Repositori (SMART) bagi tujuan penyimpanan rekod, pemantauan dan perbandingan dengan keseluruhan sistem UiTM. Pencapaian data PI berkaitan dengan bidang tumpuan juga boleh didapati di sistem SMART.

Susulan dari Memorandum Persefahaman antara UiTM dan Microsoft Malaysia Sdn Bhd, pegawai perhubungan bagi hasil **#Microsoft Learn**, sebanyak dua sesi Bengkel UiTM-Microsoft Learn telah dijalankan pada bulan Mac 2022 anjuran bersama Kelab Statistik (inStats), Kelab Artificial Intelligence Society (AIS) serta PJI KPPIM dan Disember 2022 anjuran PJI KPPIM secara atas talian. Kertas kerja bagi kedua-dua bengkel ini telah dibawa masuk ke Mesyuarat Pre JPAP untuk mendapat pre kelulusan dan seterusnya dibawa masuk ke Mesyuarat JPAP untuk mendapat kelulusan dari pihak pengurusan atasan KPPIM bagi menjalankan bengkel ini (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.3). Selepas mendapat kelulusan dari Mesyuarat JPAP, kertas kerja bengkel tersebut dibawa kepada ME bagi pemakluman kepada ahli mesyuarat ME (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.3).

Bagi **#Digital Sandbox**, kertas kerja bagi Majlis Pelancaran *Cybersecurity Operational Center (SOC) @ KPPIM* dan bersama *EC-Council Academia Partner* dan juga Kursus *Certified SOC Analyst (Elite)* KPPIM telah dibawa ke ME dan ahli ME telah meluluskan kedua-dua aktiviti dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah bagi kelulusan peruntukkan kewangan (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.4). **#Digital Sandbox** juga menghantar kertas kerja bagi kelulusan spesifikasi cadangan membekal, menghantar, memasang, mengujilari dan menyelenggara perisian ke KPPIM dan telah mendapat kelulusan dari ME. Seterusnya menghantar kertas kerja ke Jawatankuasa Penilaian Projek ICT dan Elektronik (JPPIT) untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan. Kertas kerja telah dihantar ke Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) bagi mendapat pertimbangan dan kelulusan MEU bagi kebenaran log trafik internet UiTM. Kedua-dua kertas kerja telah mendapat kelulusan dari mesyuarat masing-masing (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.4).

Ketua Makmal **#Evocity** telah membuat surat permohonan kepada KPPIM untuk mendapat kelulusan dari Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (MPPSM) bagi memohon makmal penyelidikan serta peralatan asas. Atas kelulusan yang diberi oleh MPPSM, surat kelulusan tersebut diberikan kepada penolong jurutera bagi tujuan mengambil alih makmal dan penambahbaikan sebelum penggunaan (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.5).

**GENERAL POINTS:**

1. [B0085\\_A01\\_AB03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_A01\\_AB03\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_A01\\_AB03\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.4.pdf](#)
5. [B0085\\_A01\\_AB03\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi menjamin objektif pelan strategik kolej tercapai, KPPIM telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan keberkesanan program aktiviti yang dijalankan mencapai tahap yang memuaskan. Antaranya adalah dengan membuat pemantauan bagi **Jaringan Industri** terutama bagi pelajar Latihan Industri yang dibentangkan di Mesyuarat JAF dimana mesyuarat ini berlangsung sebanyak dua (2) kali setahun, sebaik sahaja peperiksaan akhir tamat (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.1). Pemantauan ini dilakukan bagi melihat kekerapan industri mengambil pelajar KPPIM sebagai pelatih industri supaya dapat menjalinkan satu kerjasama melalui menandatangani MoU/MoA pada masa akan datang.

**#Evocity** telah mengambil tiga pelajar Pusat Pengajian Sains Komputer, KPPIM sebagai pelatih amali selama 14 minggu (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.2). Setelah tamatnya Latihan industri bagi ketiga-tiga pelajar ini, terdapat tiga borang penilaian yang telah dikeluarkan oleh KPPIM iaitu Borang Penilaian Penyelia Industri, Borang Penilaian Penyelia Akademik dan Borang Penilaian Pelajar (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.3). Dari maklum balas borang-borang ini, kaji selidik dan analisis telah dilakukan bagi mengesan kelebihan dan kekurangan menjalani latihan industri di **# Evocity** serta penyesuaian pelajar terhadap persekitaran kerja yang sebenar.

Selain dari itu, pegawai perhubungan mengambil kira dan menganalisis maklum balas daripada borang kaji selidik kepuasan peserta untuk mencari ruang-ruang yang boleh ditambah baik serta mengesan kekurangan program aktiviti yang dijalankan. Bagi mengkaji maklum balas peserta yang menyertai program dibawah hasil **#Microsoft Learn** dan **#Digital Sandbox**, setiap program yang dijalankan diwajibkan untuk menghantar laporan program aktiviti dalam masa dua (2) minggu kepada Pejabat HEP KPPIM (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.4). Sejalan dengan itu, pegawai perhubungan menyerahkan laporan bengkel kepada Koordinator ICAN bagi tujuan simpanan salinan laporan dan melaporkan juga program ini di dalam Mesyuarat JK ICAN untuk kemaskini status pencapaian PI (KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.4.pdf](#)
5. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.1.5.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KPPIM menggunakan Strategi pengurusan risiko yang sejajar dengan yang diperkenalkan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR), UiTM. Setiap pejabat di KPPIM dikehendaki untuk mengenal pasti semua jenis risiko yang terlibat. UPR telah mengklasifikasikan risiko kepada 6 kategori, iaitu risiko strategik, risiko kewangan, risiko perundangan, risiko reputasi, risiko operasi, dan risiko projek. Selepas jenis risiko dan keterangan risiko telah dikenal pasti oleh pihak yang bertanggung jawab terhadap risiko tersebut, atau dikenali sebagai pemunya risiko, mereka perlu mengenal pasti kawalan sedia ada serta kawalan tambahan untuk mengurus risiko ini. Kebarangkalian risiko ini berlaku berserta penilaian impak terhadap manusia, reputasi, kewangan, operasi, dan juga objektif UiTM juga perlu dikenal pasti. Dengan input dari kebarangkalian dan juga nilai impak ini, pemilik risiko boleh mengenal pasti tahap impak risiko. Terdapat empat (4) tahap impak risiko, iaitu rendah, sederhana, tinggi, dan ekstrem. **KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.4.2.1** menunjukkan jadual indeks kebarangkalian, jadual impak, dan juga matriks kebarangkalian dan impak.

Setelah semua perkara di atas telah dikenal pasti, setiap risiko yang didaftarkan di peringkat awal akan dibahaskan di mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko Kolej Pengajian yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor. **KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.4.2.2** menunjukkan 'Term of Reference' bagi mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko. Setiap risiko yang didaftarkan harus mendapatkan kelulusan pengerusi jawatankuasa pemilik risiko melalui mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pemilik Risiko Kolej Pengajian. Seterusnya, setiap risiko yang telah diluluskan di peringkat Kolej harus didaftarkan ke dalam sistem risiko UiTM iaitu sistem e-RMS. Setiap risiko yang telah dikenal pasti dan diluluskan ini akan dipantau secara berkala dimana pemunya risiko perlu mengemas kini setiap tiga (3) bulan.

Antara risiko yang diliputi adalah risiko operasi iaitu risiko kehilangan data. Walau bagaimanapun, risiko ini dianggap rendah kerana setiap aktiviti yang berlangsung dikategorikan dibawah aktiviti MoU yang dipantau rapat oleh unit strategik fakulti. Tambahan pula, risiko operasi yang melibatkan pertukaran kakitangan yang mengendalikan aktiviti-aktiviti ini menyebabkan pengendalian program yang kurang efisien. Risiko ini juga dianggap sebagai rendah kerana kawalan sedia ada memerlukan pemindahan pengetahuan dari kakitangan terdahulu kepada kakitangan yang baharu. Setiap risiko ini akan dipantau secara berterusan oleh pengarah program yang telah dilantik. **KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.4.2.3** menunjukkan risiko-risiko yang telah dikenalpasti serta kawalan dan tahap risiko.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.2.3.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Antara tanda ukur yang paling ringkas yang diguna pakai oleh FSKM merupakan bilangan sasaran peserta bagi setiap program, aktiviti mahupun projek yang dijalankan di FSKM. Setiap kertas kerja yang diluluskan di pelbagai peringkat seperti mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Aktiviti Pelajar (JPAP), mesyuarat Eksekutif Kolej Pengajian (ME) dan juga mesyuarat PP Sumber Manusia (MPPSM), sasaran peserta merupakan salah satu daripada perkara yang perlu dijelaskan. Sasaran peserta ini merupakan penunjuk aras utama bahawa program atau aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan yang memberangsangkan atau tidak.

Analisa daripada sasaran peserta ini dijalankan melalui laporan program ataupun aktiviti. Pengarah program melalui setiausaha program bertanggungjawab untuk memastikan bahawa laporan status pencapaian program harus dihantar kepada pejabat berkenaan dalam masa 14 hari selepas tamat tempoh program. Laporan analisa yang dilakukan ini akan diteliti secara mendalam oleh timbalan-timbalan dekan dan juga pihak pengurusan tertinggi FSKM. Di peringkat ini, pegawai bertanggungjawab untuk setiap program, bersama dengan ahli pengurusan tertinggi FSKM akan mengenal pasti kekuatan yang boleh diadaptasikan kepada program lain dan kelemahan yang boleh diperbaiki untuk setiap program.

**KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.4.3.1** menunjukkan sampel laporan program yang telah berlangsung.

Justeru, keberkesanan pengukuran terhadap pencapaian prestasi setiap strategi bergantung kepada maklumat atau data yang dikumpulkan. Di FSKM, hasil maklumbalas dalam setiap program alumni, komuniti, dan kesukarelawanan dikumpul melalui borang kaji selidik kepuasan pelanggan. Data yang diperolehi ini kemudiannya dianalisa oleh pakar statistik FSKM dan diterjemahkan dalam laporan akhir program. **KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.4.3.2** menunjukkan contoh analisa data kepuasan pelanggan yang dikumpul melalui kaedah bancian (survey).

Setiap kerjasama UiTM dengan (Kolaborasi dengan pihak industri melibatkan UiTM dengan 3 industri berikut): **Microsoft Malaysia Sdn Bhd (Hasil 1), Datasonic Technologies Sdn Bhd (Hasil 2), dan Smart Integratech Sdn Bhd (Hasil 3)** ini diletakkan dibawah KPI fakulti iaitu MoU bersama pihak industri. Segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan perlu mendapatkan kelulusan pengurusan eksekutif dan harus dilaporkan kepada mesyuarat ICAN pada setiap bulan. Pejabat ICAN fakulti akan memantau aktiviti-aktiviti yang dijalankan bersama pihak industri ini dan data-data yang dikumpul akan dikemas kini ke dalam sistem CSPI UiTM pada setiap suku tahun.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.4.3.2.pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

KPPIM mengutamakan keputusan penganalisan daripada setiap program. Data yang diperolehi membolehkan pihak kolej mengenal pasti kekuatan dan kekurangan daripada program-program terdahulu, seterusnya dapat membaik pulih perancangan di masa hadapan. Tambahan pula, hasil dari penganalisan ini dapat membantu dalam melaksanakan program yang lebih efektif.

Selain itu, hasil daripada data penganalisan ini dapat membuka peluang untuk inovasi dalam pembelajaran pelajar dan juga kaedah yang digunakan dalam kajian, terutamanya bagi staf akademik di KPPIM. Pada tahun 2023, perkara ini dapat dilihat dimana bengkel “Microsoft Power BI Data Analyst” telah ditawarkan kepada 10 orang pensyarah dimana ianya ditaja sepenuhnya oleh pihak Microsoft Malaysia. Tawaran ini telah diwar-warkan kepada semua staf akademik di KPPIM melalui emel. Secara tidak langsung, perkara ini dapat mengenal pasti dan mengasah bakat para pelajar dan juga staf di KPPIM.

**KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.5.1** dan **KPPIM\_LAMPIRAN\_PENGUKURAN\_4.5.2** menunjukkan sampel jemputan ke bengkel yang ditawarkan kepada seluruh warga kolej pengajian untuk menyertai bengkel Microsoft Power BI Analyst dan juga contoh ayat hebahan kepada pelajar untuk mengikuti latihan industri bersama #Evocity.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_A01\\_AB05\\_20231\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.5.1.pdf](#)
2. [B0085\\_A01\\_AB05\\_20232\\_KPPIM Lampiran Pengukuran 4.5.2.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia adalah tulang belakang kepada mana-mana organisasi. Menguruskan tenaga kerja dengan berkesan menjadi satu tugas yang mencabar terutamanya apabila melibatkan organisasi yang lebih kompleks dan pelbagai. Maka, disinilah pengurusan sumber manusia berperanan. Pengurusan sumber manusia merupakan aspek penting dalam strategi pembangunan sumber manusia yang merupakan kunci kepada kejayaan mana-mana organisasi. Seiring dengan pembaharuan pengiktirafan **#PremierDigitalTechInstitution** pada 2022 oleh **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** kepada KPPIM telah mendorong pihak pengurusan untuk memperkasakan bidang jaringan industri dan keusahawanan.

Kaedah pengurusan sumber manusia KPPIM untuk menjayakan bidang tumpuan ini adalah melalui **pembangunan organisasi** yang mempunyai tenaga kerja yang kompeten yang bersedia menawarkan bakat, kemahiran, ilmu pengetahuan demi memmanifestasikan misi, visi, hasrat dan matlamat KPPIM. Selain itu, amalan pengagihan kerja mengikut fungsi dan unit bagi menguruskan sumber manusia dipraktikkan oleh pengurusan KPPIM dimana struktur organisasi disusun dan dibahagikan mengikut skop tugas. Penubuhan jawatankuasa berserta ahlinya juga ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti. Pengurusan KPPIM turut melakukan pendekatan melalui **Objektif Kualiti KPPIM, Petunjuk Prestasi (PI) dan projek teras** bagi **Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** iaitu **Industrial Partnership** sebagai sasaran demi menjayakan bidang tumpuan.

Pihak pengurusan KPPIM telah memberikan sokongan dan galakan kepada staf akademik khususnya untuk bersedia menawarkan kepakaran mereka sebagai pakar rujuk, perunding dan penasihat di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Ini dapat digapai melalui **semangat, kesediaan dan kewibawaan warga KPPIM** untuk sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti bersama pihak industri antaranya **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd, Datasonic Technologies Sdn Bhd** dan **Smart Integratech Sdn Bhd**. Selain itu, pemberian ganjaran turut diberikan bagi mencetuskan minat dalam kalangan warga KPPIM untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Pemantauan terhadap persekitaran dan sistem kerja turut dilaksanakan agar warga KPPIM mencapai produktiviti, peluang dan pengisian maksimum. Antaranya, pengenalan kepada 1 sistem aduan rasmi di peringkat kolej iaitu **Aduan KPPIM** dan juga sistem **e-aduan Fasilitas, e-aduan ICT dan e-aduan UiTM** yang telah digunakan oleh warga KPPIM mampu memberikan dimensi tambahan kepada warga KPPIM untuk menyalurkan aduan berkaitan persekitaran dan sistem kerja KPPIM. Analisis berkaitan data aduan daripada sistem ini turut dilakukan.

Setiap organisasi akan menghadapi cabaran yang boleh mengundang pelbagai risiko dan mengganggu gugat perjalanan operasi aktiviti, dan tidak terkecuali juga pihak pengurusan KPPIM. Pihak pengurusan telah melaksanakan cadangan dan strategi pemulihan terhadap risiko yang telah dikenal pasti bagi menjamin kelangsungan aktiviti dalam bidang tumpuan. Antara strategi yang dilaksanakan adalah memperkenalkan prosedur operasi bagi program, Borang Tindakan Pembetulan, sistem-sistem berinovasi yang memberikan kemudahan dalam pengurusan dan lantikan **Penyelaras Pengurusan Risiko** KPPIM.

Hasil daripada usaha kolaboratif antara KPPIM dengan 3 pihak industri ini bukan sahaja memperkasakan minat, bakat, ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan warga KPPIM bahkan komuniti di dalam dan luar UiTM. Tambahan lagi, kolaborasi bersama industri ini juga telah membuka ruang dan peluang seluas-luasnya kepada pengurusan KPPIM untuk membudayakan **pengkomersilan produk penyelidikan** berasaskan **TEKNOLOGI DIGITAL** dan **misi 1 pelajar 1 sijil profesional** dan **1 pensyarah 1 sijil profesional** yang diiktiraf oleh pihak industri, sekaligus memupuk warga KPPIM yang dinamik dan progresif.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan sumber manusia KPPIM diletakkan di bawah **Bahagian Pentadbiran** yang diketuai oleh **Ketua Pentadbiran**. Kaedah untuk menjayakan bidang tumpuan adalah melalui **pembangunan organisasi** yang mempunyai tenaga kerja yang kompeten dan cemerlang supaya dapat menawarkan bakat, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman untuk memmanifestasikan misi, visi, hasrat dan matlamat KPPIM. Kesan daripada gabungan 2 fakulti membentuk KPPIM kini dianggotai seramai **354 tenaga kerja** yang terdiri daripada **189 staf akademik berkelulusan PhD** dan **119 berkelulusan Ijazah Sarjana**, dan **46 staf pentadbiran** (KPPIM\_Lampiran.Sumber\_5.2.1).

Amalan pengagihan kerja mengikut unit dan bahagian bagi menguruskan sumber manusia dipraktikkan dimana struktur organisasi dirangka, disusun dan dibahagikan mengikut skop tugas demi kemantapan dan keberkesanan pengurusan KPPIM. **Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)** yang diketuai oleh **Dekan** merupakan nadi penggerak kepada aktiviti yang melibatkan bidang tumpuan jaringan industri dan keusahawanan. **Koordinator Jaringan Industri** dan **Ketua Unit ICAN** yang dilantik turut memainkan peranan penting dalam merancang, mengurus, berunding, mengendali serta memantau aktiviti menfokuskan kepada jaringan industri. Pelantikan **Penyelaras Pensijilan Industri** turut diedarkan dan antara tugasnya adalah mengenalpasti dan membuat perancangan kursus-kursus pensijilan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.1).

Lantikan **Liaison Officer** dalam kalangan staf akademik juga diedarkan bagi melancarkan kerja-kerja perhubungan, pemantauan, pelaporan dan menjayakan lain-lain aktiviti kolaborasi KPPIM bersama Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd. Sokongan telah diberikan terhadap usaha penubuhan **jawatankuasa Bengkel UiTM-Microsoft Learn** dan **pasukan CATC**. Surat lantikan **Ketua Cyber Security dan Digital Forensic Competence Center** turut diedarkan kepada staf akademik yang mengetuai pelaksanaan projek inovasi Digital Sandbox dan pengurusan Makmal Keselamatan Siber dengan usahasama Datasonic Technologies Sdn Bhd. Melalui pengurusan KPPIM, lantikan **Ketua Makmal Penyelidikan Industri (IRL)** dan **Felo** turut disokong dalam menjayakan pelaksanaan projek dan pengurusan Makmal Evocity dengan usahasama Smart Integratech Sdn Bhd (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.2). **Penubuhan Jawatankuasa Kecil Spesifikasi Teknikal ICT dan Makmal** berserta skop tugas berkaitan pengurusan makmal juga diluluskan, sekaligus melancarkan projek Digital Sandbox dan Evocity yang melibatkan penggunaan ICT dan makmal (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.2).

Seiring dengan pembaharuan pengiktirafan **#PremierDigitalTechInstitution** pada 2022 oleh **MDEC** kepada KPPIM, pihak pengurusan melalui **Unit Kualiti dan Strategi** telah menetapkan **Objektif ke-7** iaitu memastikan nilai geran penyelidikan mencapai RM14 JUTA menjelang 2025 dan **Objektif ke-8** iaitu memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan pengkomersilan 1 produk hasil penyelidikan menjelang 2025, sebagai antara **Objektif Kualiti** yang perlu dicapai (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.3). **Petunjuk Prestasi (PI)** antaranya **PI074-Number of activities under MoU/MoA with international industry**, **PI076-Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP)**, **PI073-Number of new MoA with local partners**, **PI065-Total amount of research grants: Industrial funded**, **PI088-Number of staff with professional qualifications**, **PI023- Number of collaboration with agencies, industry, NGOs, IPT (local and international)** dan **projek teras** bagi ICAN iaitu **Industrial Partnership** telah disasarkan oleh pengurusan KPPIM di Bengkel Pelan Tindakan Strategik 2022 yang telah dilaksanakan sebagai inisiatif bagi menjayakan bidang tumpuan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.3).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_S01\\_SB02\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB02\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB02\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.2.3.pdf](#)

- 4.
- 5.

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman untuk menjayakan bidang jaringan industri dan keusahawanan, pihak pengurusan KPPIM telah menggalakkan staf akademik untuk menawarkan kepakaran mereka sebagai pakar rujuk, perunding dan penasihat di peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Pengurusan KPPIM melalui **Unit Kualiti dan Strategi** telah menasaskan antaranya **PI76–Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP)** dan **PI088–Number of staff with professional qualifications** sebagai sasaran (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.2.3). Terdapat Bengkel UiTM-Microsoft Learn, Bengkel Cyber Security dan Bengkel Data Analytics yang telah dianjurkan kepada warga KPPIM oleh staf akademik yang berkepakaran dalam pensijilan Microsoft, Cybersecurity dan Data Analytics rentetan daripada jalinan kolaborasi bersama 3 industri iaitu **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd, Datasonic Technologies Technologies Sdn Bhd** dan **Smart Integratech Sdn Bhd**. Disamping itu, melalui kolaborasi dengan 3 industri ini dan kepakaran staf akademik KPPIM yang sedia ada kini telah memberi peluang untuk menghasilkan 2 projek inovasi berasaskan **TEKNOLOGI DIGITAL** iaitu Digital Sandbox dan Evocity yang bersedia untuk dikomersilkan kelak. Maka, pihak pengurusan sumber manusia telah melaksanakan strategi berikut untuk menjayakan bidang tumpuan:

- i) Menyokong pelantikan **pasukan Microsoft Educators** dalam kalangan staf akademik yang mempunyai pensijilan profesional yang diktiraf oleh Microsoft untuk memberikan latihan kepada pelajar berkaitan modul pensijilan profesional Microsoft di **Bengkel UiTM-Microsoft Learn** (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.1).
- ii) Memberi kepercayaan penuh kepada **pasukan Certipot Authorized Testing Center (CATC)** yang terdiri daripada 2 staf akademik berkelulusan PhD untuk memantau penggunaan Makmal 15 yang diktiraf sebagai tempat Microsoft Certipot (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.1).
- iii) Menyokong dan memastikan **kelancaran aktiviti menandatangani perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU)** dengan Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan **Memorandum Perjanjian (MoA)** dengan Smart Integratech Sdn Bhd (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.1).
- iv) Menyokong **pelantikan staf akademik berkelulusan PhD dan berjawatan Prof. Madya** sebagai **Ketua Cyber Security dan Digital Forensic Competence Center** KPPIM untuk mengetuai pelaksanaan projek Digital Sandbox dengan usahasama Datasonic Technologies Sdn Bhd (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.2).
- v) Menyokong **pelantikan staf akademik berkelulusan PhD** sebagai **Ketua Makmal Penyelidikan Industri (IRL)** dan **Felo yang bertanggungjawab** terhadap pengurusan Makmal Evocity dan pelaksanaan projek Evocity dengan usahasama dengan Smart Integratech Sdn Bhd (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.2).
- vi) Melalui **Unit Korporat, Imej dan Komunikasi** KPPIM yang diketuai oleh **Koordinator Komunikasi Korporat** telah memperluaskan hebahan setiap kejayaan, promosi bagi program yang akan dilaksanakan atau sudah dilaksanakan yang melibatkan warga KPPIM di laman sosial (*Instagram* dan *Facebook*), laman web KPPIM, emel UiTM dan UiTM Hub News. Dengan hebahan ini, ia telah menggalakkan, memberi peluang dan memupuk minat penglibatan warga KPPIM serta komuniti luar dan dalam UiTM untuk menyertai aktiviti yang dijalankan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.2).
- vii) Dengan pemberian **ganjaran** dalam bentuk *monetary* (bayaran honorarium) dan *non-monetary* (sijil atau surat penghargaan, Anugerah *Staff of the Month*, perekodan jam latihan ke dalam sistem e-latihan) sebagai inisiatif untuk menarik minat warga KPPIM dalam menyertai aktiviti kolaborasi bersama 3 industri. Sijil atau surat ini membuktikan penglibatan warga KPPIM kerana ianya telah dimasukkan ke dalam sistem laporan penilaian tahunan untuk dinilai (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.3.3).

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_S01\\_SB03\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB03\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB03\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_S01\\_SB03\\_20234\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.2.3.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Kajian UiTM Happiness Index untuk mengukur indeks kegembiraan staf KPPIM pada tahun 2022 tidak dapat dilaporkan kerana ketiadaan data seperti yang dilaporkan oleh pihak penyelidik (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.1). Namun melalui analisis **data mood dari Sistem HR2U**, *mood* majoriti staf KPPIM sewaktu keberadaan mereka bekerja merekodkan bahawa staf KPPIM berada dalam *mood kategori Gembira* pada 2022 (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.1). Oleh itu, majoriti staf KPPIM berpuas hati dengan persekitaran di tempat kerja dan berperasaan gembira sewaktu bekerja.

KPPIM telah dipilih sebagai kolej rintis untuk perlaksanaan kajian aplikasi (*pilot run*) **Projek UiTM Digital Campus- Student Happiness Application** yang dijalankan pada 14 Disember 2021-13 Januari 2022. Projek ini bertujuan mengukur indeks kesejahteraan (HI) dalam kalangan pelajar. Empat dimensi pengukuran indeks kesejahteraan (HI) yang diukur meliputi *Healthy sense of self, Healthy perspective, Emotional well-being* dan *Support & Coping skills*. Hasil analisis *Emotional well-being* pelajar KPPIM mencatatkan 62% justeru membuktikan kebanyakan pelajar KPPIM mempunyai **kategori Ceria** (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.1).

Pihak pengurusan telah mewujudkan satu inisiatif dengan mengelolakan **1 sistem aduan** kepada warga KPPIM iaitu **Aduan KPPIM** sebagai satu medium menyalurkan aduan di peringkat kolej. Hebahan penggunaan saluran aduan ini telah dilakukan melalui emel dan laman sosial (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.2). Hasil analisis data **Aduan KPPIM merekodkan peningkatan jumlah aduan** iaitu 35 aduan pada 2022 berbanding 5 dan 10 masing-masing pada 2021 dan 2020 (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.2). Warga KPPIM turut menyalurkan aduan melalui 3 sistem iaitu e-aduan Fasiliti, e-aduan ICT dan e-Aduan UiTM. Melalui analisis **data e-aduan Fasiliti** dan **e-aduan ICT merekodkan peningkatan peratusan bilangan aduan pada 2022**. Manakala, analisis data Aduan UiTM merekodkan **pengurangan peratusan jumlah aduan** kerana tiada aduan yang dilaporkan pada tahun 2022 (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.2). Ia dapat disimpulkan bahawa warga KPPIM telah mengamalkan dan menggunakan sepenuhnya sistem aduan yang diperkenalkan untuk sama-sama membantu mengekalkan persekitaran kerja yang kondusif.

Tambahan lagi, hasil maklumbalas daripada peserta Bengkel UiTM-Microsoft Learn mencatatkan bahawa peserta bersetuju bahawa pelaksanaan bengkel ini telah meningkatkan kemahiran *soft skills, technical skill, knowledge* para peserta. Secara keseluruhan, tahap kepuasan majoriti peserta yang menghadiri bengkel ini adalah berada dalam skala **Sangat Berpuas Hati** (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.1.3).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.1.3.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Setiap organisasi akan menghadapi cabaran yang boleh mengundang pelbagai risiko yang berkemungkinan dihadapi sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan program yang terlibat, dan mengganggu gugat perjalanan operasi aktiviti. Pihak pengurusan KPPIM telah mengenal pasti bahawa tahap risiko-risiko adalah **rendah** dan telah **melaksanakan cadangan dan strategi pemulihan** terhadap risiko yang telah dikenal pasti iaitu:

- i) Pelantikan **Penyelaras Pengurusan Risiko** agar dapat mengenalpasti dan memantau sebarang risiko secara berkala di kolej (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.1).
- ii) Penggunaan **sistem Aduan KPPIM, e-aduan Fasiliti, e-aduan ICT dan e-Aduan UiTM** sebagai **satu medium rasmi** menyalurkan aduan bagi mengelakkan risiko penggunaan saluran yang tidak tepat untuk membuat aduan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.1).
- iii) Menggunakan **aplikasi KitaFSKM dan laman sosial rasmi kolej** (*Instagram dan Facebook*) sebagai medium menyebarkan maklumat bagi mengelakkan risiko penyebaran maklumat yang tidak sah (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.1).
- iv) **Pasukan CATC** dilantik untuk memantau penggunaan Makmal 15 bagi mengelakkan risiko salahguna dan pengawasan ketika peperiksaan modul pensijilan Microsoft berlangsung. Lantikan **Penyelaras Pensijilan Industri** peringkat kolej turut dilakukan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.2).
- v) **Ketua Cyber Security dan Digital Forensic Competence Center** telah dilantik bertanggungjawab mengetuai projek usahasama dengan Datasonic Technologies Sdn Bhd bagi mengelakkan risiko tidak dapat menyiapkan projek di bawah Program Kolaborasi Industri (ICP) (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.2).
- vi) Melalui pengurusan KPPIM, **Ketua Makmal IRL dan Felo** telah dilantik untuk bertanggungjawab mengetuai pengurusan Makmal Evocity dan pelaksanaan projek usahasama dengan Smart Integratech Sdn Bhd bagi mengelakkan risiko tidak dapat menyiapkan projek di bawah Program Micro Industry Hub (MIH) (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.2).
- vii) Membangunkan dan menggunakan **sistem FSKM E-Aset** agar melancarkan urusan untuk mengurus, menjejaki dan memverifikasi maklumat aset alih dan inventori di KPPIM (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.2).
- viii) **Surat permohonan penukaran** tarikh Bengkel UiTM-Microsoft Learn diberikan untuk memohon kelulusan Jawatankuasa Eksekutif Kolej (JEK) agar bengkel dapat dijalankan mengikut tarikh yang baru (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.3).
- ix) Melalui pengurusan KPPIM, surat permohonan dan pertimbangan diberikan untuk memohon kelulusan Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) dan Jawatankuasa Penilaian Projek ICT dan Elektronik (JPPIT), masing-masing bagi kebenaran log trafik Internet UiTM dan bagi cadangan membekal, menghantar, memasang, mengujilari dan menyelenggara perisian agar perkakasan sedia ada dapat berfungsi dan penyambungan lesen perisian di Makmal Keselamatan Siber supaya tidak menjejaskan perancangan dan keperluan projek Digital Sandbox. Penubuhan **Jawatankuasa Kecil Spesifikasi Teknikal ICT dan Makmal** (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.2.3).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.2.3.pdf](#)

7.  
5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pihak pengurusan KPPIM telah melaksanakan beberapa tindakan bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif antaranya:

i) Pelaksanaan mesyuarat antaranya **Mesyuarat Eksekutif, Sumber, Kaji Semula Pengurusan, Jawatankuasa Risiko, Penyelidikan dan Jawatankuasa ICAN** secara berkala bagi memantau segala aktiviti kolej (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.1). Sebagai contoh:

(a) Surat permohonan penukaran tarikh Bengkel UiTM-Microsoft Learn diberikan ke Jawatankuasa Eksekutif Kolej (JEK) agar mendapat kelulusan penukaran tarikh bengkel.

(b) Pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa ICAN bagi merangka hala tuju jelas dan menggerakkan jaringan industri dan mencapai PI kolej.

(c) Pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan bagi menggerakkan jaringan industri dan memantau status penyelidikan bersama industri terlibat.

ii) Warga KPPIM telah mengamalkan penggunaan **sistem Aduan KPPIM, e-aduan Fasiliti, e-aduan ICT dan e-Aduan UiTM** sebagai satu medium rasmi untuk menyalurkan aduan di peringkat kolej disamping penggunaan **laman sosial rasmi kolej** dan emel sebagai saluran hebahan kepada warga KPPIM. Hal ini telah memastikan warga KPPIM sentiasa peka terhadap kesahihan isu berkaitan perihal kolej dan telah sama-sama membantu mengekalkan persekitaran yang kondusif (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.1).

iii) Membangunkan dan menggunakan **sistem FSKM E-Aset** bagi membantu pemantauan pengurusan aset alih dan inventori di KPPIM mewujudkan pengurusan yang efisien berkaitan aset alih dan inventori kolej. Selain itu, pembangunan sistem **Simulasi Skor** turut diperkenalkan dan digunakan bagi tujuan simulasi awal pemantauan PI secara bulanan supaya lebih efisien (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.2).

iv) Memastikan **Laporan Penutup Aktiviti** dan **Progress Report** disediakan, direkodkan dan dibentangkan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.2).

v) Mewujudkan **prosedur operasi** bagi program di bawah jaringan industri seperti Prosedur Operasi Perundingan, Prosedur Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA), Prosedur Penganjuran Aktiviti dan Prosedur Operasi Kerjasama Strategik seperti yang terkandung dalam Manual Kualiti KPPIM yang perlu dirujuk; pautan: <https://online.anyflip.com/qiqau/qujr/mobile/index.html>. (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.2).

vi) Mewujudkan **Borang Tindakan Pembetulan** bagi memastikan maklum balas dari Audit Dalam dapat diambil perhatian dan tindakan bagi penambahbaikan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.2).

Aduan daripada platform rasmi iaitu melalui sistem Aduan KPPIM, e-aduan Fasiliti, e-aduan ICT dan e-Aduan UiTM telah diambil tindakan dan diselesaikan; kajian aplikasi (*pilot run*) **Projek UiTM Digital Campus- Student Happiness Application**, mood staf KPPIM ketika waktu bekerja yang diisi melalui Sistem HR2U dan borang maklumbalas keterlibatan peserta dalam aktiviti akan dianalisis, dibentangkan dan dibincangkan oleh pegawai yang bertanggungjawab untuk tujuan penambahbaikan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.4.3.3)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.4.3.3.pdf](#)
- 4.



5.

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui kolaborasi KPPIM bersama **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd** telah termeterainya MoU dan menyumbang kepada **penaiktarafan prasarana dan aset** KPPIM dimana Makmal 15 dijadikan tempat *Certiport Authorized Testing Center (CATC)* untuk mengendalikan pensijilan Microsoft seterusnya telah menyenaraikan **UiTM antara 5 universiti awam** yang berjaya menubuhkan CATC (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.1). **Penganugerahan dan pengiktirafan** kepada UiTM sebagai Malaysia's Certiport Authorized Testing Center (CATC) telah disampaikan di **Micro-Credentials Education Summit 2023 Bersempena Malaysia National Championship 2023 Grand Finale** (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.1). KPPIM juga telah berjaya merangkul tempat **PERTAMA** dalam kategori Anugerah Kolaborasi Industri Terbaik di Anugerah MeTIC 12/2023 (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.1). Bengkel UiTM-Microsoft Learn telah menyenaraikan **UiTM sebagai antara 9 daripada universiti awam** yang menawarkan pensijilan Microsoft yang bertempat di KPPIM (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.1).

Geran industri@universiti berjumlah RM1,091000.00 yang diperolehi melalui Program ICP membabitkan kolaborasi bersama **Datasonic Technologies Sdn Bhd** yang menfokuskan kepada penyelidikan, pembangunan, penghasilan dan **pengkomersialan produk Digital Sandbox** yang mampu mengesan dan menganalisa serangan siber yang pertama seumpamanya di Malaysia dan proses menghasilkan produk ini masih lagi berjalan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.2). **Penaiktarafan prasarana dan aset** dengan tertubuhnya **Makmal Keselamatan Siber** yang dilengkapi dengan perkakasan dan perisian terkini yang memenuhi piawai sebagai pusat penyelidikan dalam bidang keselamatan siber dan data raya seperti *server* berspesifikasi tinggi, komputer meja, Interactive Smartboard, smart TV 75', Fortinet firewall, Wifi, meja komputer, kerusi, projektor, mesin pencetak berwarna dan SIEM Fortinet (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.2).

Geran industri@universiti berjumlah RM304,00.00 yang diperolehi melalui Program MIH membabitkan kolaborasi bersama **Smart Integratech Sdn Bhd** sekaligus termeterainya MoA yang menfokuskan kepada pembangunan aplikasi tempat letak kereta awam dan peningkatan taraf teknologi dan inovasi penggunaan Sistem Bandar Pintar, kini KPPIM telah berjaya membangunkan **DUA PRODUK** yang bersedia dikomersilkan iaitu **Sistem Pengurusan QR Web** dan **Aplikasi Kupon Digital (APP)**(KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.3). Dua produk ini telah didaftarkan untuk hakcipta (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.3). **Penaiktarafan prasarana dan aset** dimana Makmal VR8 dijadikan tempat **Makmal Evocity** yang dilengkapi dengan perisian dan peralatan seperti seperti meja, kerusi, meja computer, projector, meja projektor, kerusi serta pantri (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.3).

Melalui kolaborasi bersama Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan Datasonic Technologies Sdn Bhd telah dapat menjayakan pelaksanaan Bengkel UiTM-Microsoft Learn dan Bengkel Cyber Security bagi Latihan Certified Network Defender (CND) dimana telah **memberi peluang** kepada warga KPPIM untuk **memiliki sijil profesional** dan seterusnya **meningkatkan pemilikan sijil profesional** dalam kalangan warga KPPIM (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.3).

Kolaboratif KPPIM bersama 3 pihak industri ini bukan sahaja membuka ruang dan peluang terhadap pengkomersilan produk berasaskan **TEKNOLOGI DIGITAL**, malahan pengurusan sumber manusia KPPIM telah membudayakan **misi 1 pelajar 1 sijil profesional** dan **1 pensyarah 1 sijil profesional**, sekaligus melahirkan warga KPPIM yang terus berdaya saing, dinamik dan progresif.

Amalan dasar saksama dalam memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga KPPIM dipraktikkan. **Hebahan kejayaan dan sumbangan** warga KPPIM di laman sosial, laman web KPPIM, emel UiTM dan UiTM Hub News telah dipraktikkan agar warga KPPIM terlibat dapat diraikan dan diberikan penghargaan agar menjadi sumber inspirasi kepada warga UiTM (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.4).

Penganjuran dan pengiktirafan **Anugerah Staff of the Month** dengan tema

**#ICONIC&IMPACTFUL** dan Majlis Apresiasi telah dilaksanakan. Pemberian **ganjaran** berbentuk *monetary* (**bayaran honorarium**) dan *non-monetary* (**surat lantikan/sijil penyertaan/sijil penghargaan/perekodan jam latihan**) turut diberikan kepada warga KPPIM sebagai inisiatif tanda penghargaan (KPPIM\_Lampiran\_Sumber\_5.5.5).

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_S01\\_SB05\\_20231\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.5.1.pdf](#)
2. [B0085\\_S01\\_SB05\\_20232\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.5.2.pdf](#)
3. [B0085\\_S01\\_SB05\\_20233\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.5.3.pdf](#)
4. [B0085\\_S01\\_SB05\\_20234\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.5.4.pdf](#)
5. [B0085\\_S01\\_SB05\\_20235\\_KPPIM\\_Lampiran\\_Sumber\\_5.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025 memfokuskan kepada pemerksaan staf, pelajar dan prasarana dalam memantapkan seluruh sistem perkhidmatan KPPIM bagi menangani cabaran teknologi digital masa kini dan seterusnya mengekalkan pengiktirafan sebagai **Premier Digital Tech Institute**. Pencapaian objektif strategik dan kualiti KPPIM 2025 akan dapat menyumbang kepada UiTM mencapai taraf **Universiti Terkenal Global** dalam bidang sains dan teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang 2025. Melalui projek teras **Industrial Partnership**, jaringan usahasama yang melibatkan pemindahan ilmu, pensijilan profesional, penyelidikan dan pembangunan produk berinovasi dan berpotensi untuk dikomersilkan menjadi tumpuan dalam Pelan Perancangan Strategik 2022-2025.

Hasil kerjasama strategik dengan industri dapat memberi impak kepada ketampakan global UiTM dan KPPIM dalam teknologi digital dan analitik data raya. Untuk AKNC 2023, KPPIM telah memilih **TIGA HASIL UTAMA** melalui kerjasama strategik dalam bidang teknologi digital iaitu **Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity**. Projek-projek ini merupakan projek perkongsian ilmu dan pembangunan produk berasaskan teknologi siber dan analitik data raya. Operasi proses utama melibatkan perolehan geran industri dalam negara, peningkatan keilmuan dan kemahiran warga KPPIM sebagai jurulatih dan pakar rujuk, penglibatan pelajar dalam pensijilan juga penyelidikan dan pembangunan produk digital berinovasi. Bagi menjamin kelestarian kerjasama dan pelaksanaan jaringan industri, UiTM telah

- memeterai **MoU** dengan **Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd** untuk **Microsoft Learn**,
- mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri bagi pelaksanaan projek Program Kolaborasi Industri (ICP) **Digital Sandbox** bersama **Datasonic Technologies Sdn Bhd** dan
- memeterai **MOA** bagi **program Micro Industry Hub** dengan geran industri bersama **Smart Integratech Sdn Bhd** untuk meningkatkan taraf teknologi dan inovasi **Sistem Bandar Pintar Evocity**

Penolong Naib Canselor dan kumpulan pengurusan eksekutif KPPIM memainkan peranan penting sebagai pemangkin kepada keberkesanan operasi KPPIM dalam menjalinkan kerjasama strategik bersama industri. Kumpulan Pelaksana dari kalangan staf KPPIM merupakan penggerak bagi melaksanakan segala operasi proses-proses utama bagi jaringan industri mengikut prosedur pengurusan dan operasi kualiti KPPIM. Perancangan khusus kerjasama strategik melibatkan pemindahan ilmu, penyelidikan, pembangunan produk berinovasi dan pensijilan profesional. Program atau aktiviti dirancang bermula dari penyediaan kertaskerja, pelaksanaan program, pelaporan hasil program dan perancangan penambahbaikan program. Program dijalankan secara berterusan atau berkala bagi menjamin kelestarian jalinan kerjasama dan diperluaskan dengan melibatkan penyertaan dari keseluruhan sistem UiTM, universiti dalam dan luar negara, agensi luar dan industri. Sokongan padu, penglibatan aktif dan komunikasi dua hala dalam perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan oleh PNC, barisan eksekutif, staf dan pelajar telah dapat memanfaatkan secara optimum jaringan industri dengan penglibatan seluruh perkhidmatan KPPIM.

Pemantauan berkala mengambil kira aspek aduan, permasalahan, maklumbalas dan status pencapaian program/projek untuk dianalisa dan dilaporkan dalam Mesyuarat ICAN, Mesyuarat Eksekutif Kolej, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan mesyuarat berkala bersama pihak BITCOM, UiTM dan industri terlibat. Pemantauan juga berfokus kepada perbandingan hasil jangkaan dan tren pencapaian bagi petunjuk prestasi program strategik industri, geran penyelidikan dan penerbitan, latihan industri dan keusahawanan.

Mesyuarat Eksekutif menilai status pelaksanaan termasuk cadangan atau perubahan merangkumi penganjuran program/projek, peruntukan kewangan, laporan status projek, pencapaian prestasi setiap projek dan pencapaian petunjuk prestasi KPPIM. Mesyuarat Kaji

Semula Pengurusan memastikan segala operasi pengurusan dapat diperkukuh dari segi keberkesanan agar tindakan penambahbaikan berterusan yang pantas dilakukan bagi mengurangkan risiko operasi dan mengoptimumkan pencapaian.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses utama bagi bidang tumpuan jaringan industri KPPIM ialah **proses kerjasama strategik dan perundingan, proses perjanjian persefahaman, proses pelaksanaan latihan dalaman, proses pengendalian latihan industri dan proses pengurusan perolehan**. Proses ini juga berdasarkan projek teras Industrial Partnership dalam **Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025** bagi menyokong pelaksanaan **Objektif Strategik dan Objektif Kualiti KPPIM 2022- 2025** dan mengikut **Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015** serta **model PDCA Pelan Kualiti Pengurusan Korporat KPPIM**. (Rujuk Pelan Strategik dan Manual Kualiti KPPIM dalam KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.2.1).

Jaringan industri KPPIM telah dirangka secara sistematik dengan mengambilkira elemen kemudahan perkhidmatan, pembangunan produk inovasi dan pemindahan ilmu dan telah dilaksanakan mengikut **prosedur-prosedur kualiti pengurusan dan operasi beserta carta alir operasi** (Rujuk prosedur kualiti pengurusan dan operasi dalam KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.2.2). Proses-proses utama bidang tumpuan jaringan industri ini juga telah dilaksanakan dengan merujuk kepada dasar dan garis panduan ICP Perbendaharaan Malaysia (Knowledge Transfer Program (KTP)), garis panduan Micro Industry Hub (MIH) BITCOM UiTM, dan garis panduan penyelidikan dan pengkomersilan UiTM.

Tiga industri yang terlibat didalam hasil kerjasama strategik bagi projek berimpak tinggi dalam bidang teknologi digital dan analitik ialah **Microsoft Learn bersama Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd., projek KTP bersama Datasonic Technologies Sdn. Bhd. dan Projek MIH-IRL bersama Smart Integratech Sdn. Bhd.** Ketiga-tiga jaringan kerjasama strategik ini mempunyai pendekatan dan nilai tambah yang berbeza.

Jalinan kerjasama bersama dengan Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd. telah dimeterai dengan Memorandum Persefahaman (MoU) pada 19 Mac 2021. Pada tahun 2022, UiTM berjaya memanfaatkan Microsoft Learn for Educators (MSLE) dalam menangani dengan berkesan peralihan pantas teknologi digital di semua peringkat UiTM dengan memperkasa UiTM melalui pembangunan program dan pembangunan pensyarah dan pelajar. Pengurusan CATC diterajui oleh **CATC Team** yang terdiri dari **staf KPPIM, Acestor Solution Sdn. Bhd. dan SoftwareONE Experts Sdn. Bhd.** dan dibantu oleh Pegawai Perhubungan Microsoft (Microsoft Liaison Officer) . Kerjasama strategik ini telah melibatkan kemudahan perkhidmatan UiTM **Certiport Authorized Testing Center dan MSLE** melalui pensijilan profesional dan bengkel Latihan Microsoft. (Rujuk dokumen MoU, CATC, CATC team, dan Pegawai LO dalam KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.2.3.)

Jalinan strategik bersama **Datasonic Technologies Sdn. Bhd. (DTSB)** ialah projek industri@universiti berimpak tinggi KTP dibawah **Industry Collaboration Program (ICP) Peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN)** yang menekankan kepada pemindahan ilmu, pembangunan sumber manusia, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan Digital Innovative Product. Pengurusan projek ini diurus oleh **Ketua Cyber Security and Digital Forensics Competence Center**. Kerjasama ini melibatkan penubuhan dan perkhidmatan makmal Cyber Security di KPPIM, pembangunan Digital Sandbox dan Dashboard, bengkel latihan oleh trainer dari DTSB, pensijilan profesional dan perlantikan protégé. (Rujuk dokumen kelulusan dan perlantikan ketua dalam KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.2.4.)

Pendekatan jaringan strategik bersama **Smart Integratech Sdn. Bhd.** berbentuk **Program Micro Industry Hub-Industrial Research Laboratory (MIH-IRL)** melalui Memorandum Perjanjian (MoA) bagi menyediakan perkhidmatan **aplikasi Sistem Bandar Pintar** dengan perkongsian kepakaran, penyelidikan, pengkomersilan dan pembangunan sumber manusia. Projek ini dibawah kelolaan dan pengawasan BITCOM UiTM dan diurus oleh **Ketua Projek dan Felo**. Projek ini dapat memperkasa pelajar dengan kemahiran penyelidikan industri melalui perlantikan sebagai pelatih industri (Rujuk dokumen MoA dan perlantikan Ketua IRL dan Felo dalam KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.2.5.)

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_O01\\_OB02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_O01\\_OB02\\_20232\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.2.2.pdf](#)
3. [B0085\\_O01\\_OB02\\_20233\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.2.3.pdf](#)
4. [B0085\\_O01\\_OB02\\_20234\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.2.4.pdf](#)
5. [B0085\\_O01\\_OB02\\_20235\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.2.5.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelan Perancangan Strategik KPPIM 2022-2025 memfokuskan kepada pemeraksanaan staf dan pelajar juga memantapkan seluruh sistem perkhidmatan KPPIM bagi menangani cabaran teknologi digital masa kini dan seterusnya mengekalkan pengiktiran sebagai **Premier Digital Tech Institute**. Pencapaian objektif strategik dan kualiti KPPIM 2025 akan dapat menyumbang kepada UiTM mencapai taraf **Universiti Terkenal Global dalam bidang sains dan teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang 2025**. Melalui projek teras Industrial Partnership, jaringan usahasama yang melibatkan pemindahan ilmu, pensijilan profesional, penyelidikan dan pembangunan produk berinovasi dan berpotensi untuk dikomersilkan menjadi tumpuan dalam Pelan Perancangan Strategik 2022-2025. Hasil kerjasama strategik dengan industri dapat memberi impak kepada ketampakan global UiTM dan KPPIM dalam teknologi digital dan analitik data raya.

Sistem Pengurusan Kualiti KPPIM dibentuk mengikut Model Pelan Pengurusan UiTM menggunakan Model kitaran PDCA dengan **standard MS ISO 9001:2015**.

#### PLAN

**Kumpulan kepimpinan KPPIM** telah membuat perancangan permulaan melalui penetapan objektif kualiti dan perancangan strategik dengan mengambil kira aspek pengurusan risiko. Pencapaian objektif strategik dan kualiti KPPIM 2025 akan dapat menyumbang kepada UiTM dapat mencapai taraf Universiti Terkenal Global dalam bidang sains dan teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang 2025.

Berpandukan sembilan objektif kualiti, Pelan strategik KPPIM 2022 -2025 telah menetapkan 13 projek teras bersekali dengan objektif dan inisiatif strategik. Perancangan keperluan sumber telah dilakukan dengan mengenalpasti bidang tujahan, kumpulan sasaran dan keperluan sumber manusia, sumber kewangan berserta infrastruktur dan infostruktur terlibat bagi mencapai hasil selaras dengan keperluan pelanggan dan dasar organisasi. Risiko dan peluang juga telah dikenalpasti dan dinyatakan secara jelas agar dapat menghasilkan pengurusan proses kerja yang sistematik, meningkatkan prestasi kecekapan organisasi dan mengoptimumkan kepuasan pelanggan.

#### DO

Perlaksanaan inisiatif strategik mengambilkira penagihan kerja dengan penglibatan keseluruhan warga KPPIM sebagai kumpulan pelaksana yang merangkumi sistem sokongan jabatan, kolej, kampus cawangan, pusat dan unit supaya dapat merealisasikan objektif kualiti KPPIM 2022 – 2025. Perlaksanaan operasi utama melibatkan pengurusan akademik, pengurusan pelajar, jaringan industri dan penyelidikan dan inovasi yang merupakan tonggak utama pengurusan KPPIM.

#### CHECK

Pemantauan berkala mengambil kira aspek aduan, permasalahan, maklumbalas dan status pencapaian program/projek untuk dianalisa dan dilaporkan dalam Mesyuarat ICAN, Mesyuarat Eksekutif dan mesyuarat berkala bersama pihak BITCOM, UiTM, dan industri terlibat. Pemantauan juga melihat kepada perbandingan hasil jangkaan dan tren pencapaian bagi petunjuk prestasi program strategik industri, geran penyelidikan dan latihan industri. Mesyuarat Eksekutif menilai status pelaksanaan termasuk cadangan atau perubahan merangkumi penganjuran program, peruntukan kewangan, laporan status projek

#### ACTION

Pelaporan prestasi program/projek disediakan merangkumi aspek perjalanan, keberkesanan dan hasil program juga maklumbalas peserta bagi tujuan penambahbaikan. Laporan program bersama industri dan status pencapaian kerjasama strategik industri, geran penyelidikan dan penerbitan



dipantau oleh pegawai Liaison, Ketua IRL atau Ketua Makmal dan Pejabat ICAN. Pihak Eksekutif Kolej mengadakan mesyuarat bulanan atau mengikut keperluan dan mesyuarat kaji semula pengurusan bagi menilai status pelaksanaan termasuk cadangan atau perubahan merangkumi penganjuran program, peruntukan kewangan, status projek dan pencapaian prestasi jaringan industri bagi tindakan penambahbaikan.

Model kitaran PDCA ini diperluas kepada model khusus bagi Microsoft Learn (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.3.1), pembangunan Digital Sandbox untuk keselamatan siber (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.3.2 dan 6.3.4) dan Pembangunan Sistem Bandar Pintar Evocity (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.3.3).

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_O01\\_OB03\\_20231\\_KKPIM Lampiran Operasi 6.3.1.pdf](#)
2. [B0085\\_O01\\_OB03\\_20232\\_KKPIM Lampiran Operasi 6.3.2.pdf](#)
3. [B0085\\_O01\\_OB03\\_20233\\_KKPIM Lampiran Operasi 6.3.3.pdf](#)
4. [B0085\\_O01\\_OB03\\_20234\\_KKPIM Lampiran Operasi 6.3.4.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Hasil jaringan strategik bersama industri terutamanya projek Microsoft Learn, Digital Sandbox dan Evocity melibatkan pemindahan dan perkongsian pengetahuan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan makmal Microsoft Certified Authorized Testing Centre, makmal Security Operation Center, makmal Evocity, pensijilan, penyelidikan, pembangunan produk inovasi dan pembangunan sumber manusia. Semua operasi dijangka dapat mencapai objektif Pelan Strategik dan juga objektif projek, dengan operasi tadbir urus yang cekap, pemantauan dan penambahbaikan yang berkesan. Hasil jaringan industri KPPIM memberi impak tinggi kepada universiti, komuniti, industri, negara dan dunia juga memastikan **UiTM menjadi Universiti Terkenal Global** dalam bidang sains dan teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang 2025. Sumbangan KPPIM melalui jaringan industri diantaranya ialah pembangunan sumber manusia, infrastruktur dan infostruktur UiTM, pembangunan produk dan inovasi teknologi digital dan juga sumbangan kepada keselamatan siber dan analitik data raya negara.

Hasil jaringan industri KPPIM bukan saja boleh menyumbang kepada petunjuk prestasi jaringan industri malah melalui perancangan bijak dan strategik, hasil boleh dipetakan kepada objektif strategik di semua perkhidmatan utama KPPIM iaitu BHEA, P&I, ICAN, HEP dan Pentadbiran (Pembangunan Sumber) dengan mengambilkira elemen pembudayaan dan kelestarian pencapaian. **Pemetaan hasil jangkaan kepada objektif perancangan strategik bagi lima perkhidmatan utama KPPIM** disenaraikan dalam Jadual 6.4.1.1 (a) (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.4.1.1).

Pemantauan khusus juga dilakukan bagi mengukur status dan pencapaian setiap projek kerjasama strategik yang dijalankan dengan menekankan elemen akauntabiliti dan integriti. Pencapaian kepada hasil operasi jaringan strategik KPPIM dapat diukur kerberkesanan melalui petunjuk-petunjuk prestasi dan KPPIM telah berjaya mencapai prestasi yang amat membanggakan bagi hasil jaringan industri bagi tahun 2022. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.4.1.2).

Bermodalkan hasil dari kecemerlangan operasi jaringan industri untuk tahun 2022 dengan prestasi yang memberangsangkan, KPPIM telah dinobatkan sebagai **pemenang 8 anugerah di Majlis Sanjung Sarjana 2023 UiTM dan dua (2) Anugerah Metic**. Anugerah yang dimenangi di Majlis Sanjung Sarjana 2023 ialah *Top UiTM Faculties/ College Grant Acquisition (National) (S&T)*, *Top UiTM Faculties/ College Grant Acquisition (Private) (S&T)*, *Top UiTM Faculties/ College Grant Acquisition (International) (S&T)*, Anugerah Jurnal MyCite *Journal of Information and Knowledge Management (JIKM)*, Anugerah Jurnal MyCite *Malaysian Journal of Computing (MJoC)*, *World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)*: Prof Dr Yap Bee Wah, Pusat Kecemerlangan (COE) UiTM Paling Cemerlang (CoE Tier 3) dan *Top UiTM HiCoE/CoE Journal Publication (Corresponding/UiTM First Author)*. Anugerah-anugerah ini merupakan **pengiktirafan UiTM kepada KPPIM** dalam usaha membantu pihak universiti meningkatkan pencapaian khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.4.1.3).

KPPIM juga telah mempamerkan hasil operasi jaringan industri yang cemerlang melalui kemenangan **kolaborasi industri terbaik tempat kedua Anugerah Metic 11/2022 dan tempat pertama Anugerah Metic 12/2023** (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.4.1.3).

Pemantauan berkala diperingkat **perlaksanaan bengkel-bengkel latihan** dijalankan melalui pelaporan latihan dari segi bilangan peserta, keberkesanan latihan, maklumbalas peserta dan langkah penambahbaikan yang dicadangkan oleh peserta. Keberkesanan latihan diukur dari bilangan staf dan pelajar yang lulus peperiksaan dan memperolehi pensijilan. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.4.1.4)

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.4.1.1.pdf](#)
2. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.4.1.2.pdf](#)
3. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.4.1.3.pdf](#)
4. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.4.1.4.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko KPPIM dilaksanakan dengan merujuk **Panduan Pengurusan Risiko UiTM, Manual Kualiti KPPIM/FSKM 2022 dan Prosedur Pengurusan Risiko**. Pengurusan risiko dilakukan mengikut polisi, metodologi dan strategi untuk mengenalpasti, menjangka, mengukur/menganalisis, memantau, melapor dan mengawal risiko. Pengerusi Kumpulan Pemilik Risiko ialah Penolong Naib Canselor KPPIM dengan ahli terdiri dari Dekan-dekan, Ketua Unit Kualiti, Ketua-ketua Pusat Pengajian, Wakil Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pegawai Pentadbiran sebagai urusetia dan Penyelaras Pengurusan Risiko. Ahli Kumpulan Pemilik Risiko mengenalpasti, memantau dan mencadangkan tindakan kawalan dan dibincangkan didalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko (MJPR)** dengan **kekerapan tiga kali setahun**. **Penyelaras pengurusan risiko** KPPIM dilantik oleh Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti bagi memantapkan tadbir urus pengurusan risiko (KPPIM Lampiran Operasi 6.4.2.1).

Penyelaras telah mengenalpasti risiko, memantau risiko secara berterusan, mengumpul maklumat risiko dari ahli pemilik risiko, menyediakan daftar risiko dan membenteng **laporan risiko kepada Jawatankuasa Pemilik-pemilik Risiko** didalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko. Laporan risiko mengandungi risiko-risiko yang telah dikenalpasti, tahap risiko mengikut keutamaan dan langkah kawalan untuk cadangan pelaksanaan. Mesyuarat MJPR juga bertindak meluluskan aktiviti-aktiviti pengurusan risiko, dan daftar risiko berimpak tinggi untuk perhatian tier strategik juga merancang dan menentukan pelan tindakan/inisiatif/projek untuk penambahbaikan. Penyelaras mengemaskini daftar risiko secara berkala bagi kes-kes risiko berimpak tinggi di dalam **sistem eRMS**. (KPPIM Lampiran Operasi 6.4.2.1)

Mesyuarat JPR KPPIM telah mengutamakan **isu keselamatan, kecemasan, teknologi dan sumber manusia** dan telah menyenaraikan enam punca risiko yang telah diberi perhatian untuk langkah kawalan. Jadual 6.4.2. (a) menyenaraikan punca-punca risiko, kategori risiko, tahap risiko dan langkah kawalan atau pelan mitigasi yang telah dikenalpasti dalam minit MJPR bagi mengurus risiko-risiko tersebut. Pelan mitigasi bagi mengurus risiko-risiko tersebut dirancang dan diminitkan oleh MJPR untuk tindakan pemilik risiko serta pengawalan dan pemantauan seterusnya (KPPIM Lampiran Operasi 6.4.2.2).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_KKPPIM Lampiran Operasi 6.4.2.1.pdf](#)
2. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_KKPPIM Lampiran Operasi 6.4.2.2.pdf](#)
- 3.
- 4.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi mengukur keberkesanan operasi, KPPIM sentiasa komited dalam aspek penilaian dan pengurusan yang lebih efektif agar proses kaji semula dapat dilakukan untuk tindakan penambahbaikan bagi menjamin keberkesanan dan kelestarian jaringan kerjasama strategik dengan industri dalam melonjak kemampuan KPPIM, universiti dan industri.

Hasil penganalisan operasi melibatkan tindakan kaji semula dari dapatan pelaporan/penemuan yang merangkumi Kajian Dasar dan Objektif Kualiti serta pencapaian Objektif Kualiti, Bahagian Sistem Jaminan Kualiti dan Analisa Data, Penemuan Hasil Audit Dalaman dan Luaran, Aduan dan Maklumbalas Pelanggan, Hasil Bahagian Inovasi, Peningkatan dan Anugerah Akademik, Prestasi Proses dan Keakuran Produk, Status Tindakan Pembedulan dan Pencegahan, Tindakan Susulan Kajian Semula Pengurusan Lepas, dan Sistem Pengurusan Kualiti. (KPPIM Lampiran Operasi 6.4.3.1)

**Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) secara berkala** diadakan bagi meneliti setiap pelaporan untuk tindakan kajisemula pengurusan dan seterusnya mengenalpasti tindakan penambahbaikan. Antara **penambahbaikan bagi sistem pengurusan KPPIM** yang telah dicadangkan ialah tindakan pembedulan kepada penemuan audit susulan, penambahbaikan kepada sistem-sistem sedia ada dan sistem yang sedang dalam proses pembangunan, tindakan pencegahan dan pengurusan risiko, penggunaan Manual Prosedur Kualiti yang baru, pengemaskinian struktur organisasi dan perlantikan ahli jawatankuasa (KPPIM Lampiran Operasi 6.4.3.1)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_KKPIM Lampiran Operasi 6.4.3.1.pdf](#)
- 2.

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk **mempamerkan keunggulan, kecemerlangan juga persaingan**, KPPIM UiTM telah menyemarakkan budaya pensijilan dengan memperluaskan peluang pensijilan melalui penawaran kursus/program sijil profesional *cybersecurity, digital forensics*, analitik data raya dan *Quantitative Risk Management*. Kursus Pensijilan **CS709 Master of Science Cybersecurity and Digital Forensics** ditawarkan dengan **kolaborasi National Cyber Security Agency (NACSA), EC-Council, Tecforte Sdn. Bhd. dan NetBytseSEC Sdn. Bhd.** manakala **CS779** menawarkan **Master in Data Science** yang merupakan bidang analitik data raya yang amat diperlukan oleh industri berteknologi digital (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.1)

Bagi menyahut Malaysia negara maju, kursus pensijilan profesional KPPIM UiTM menyediakan modal insan negara yang berilmu serta berkemahiran dalam menyokong **perubahan sektor ekonomi dan industri berasaskan pengetahuan vokasional dan teknikal**. Kursus **CS700 Postgraduate Certificate in Data Science** telah melahirkan **graduan yang holistik dalam High-end Technical and Vocational Education and Training (HE-TVET)** (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.1)

Kecemerlangan hasil pencapaian dari pemindahan ilmu telah diterjemahkan dengan penawaran kursus pensijilan yang meluas yang juga melibatkan bidang **Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko**. KPPIM amat komited dalam melonjakkan kerjaya profesional bidang Sains Aktuari dan pengurusan risiko dengan penawaran kursus **Certified Quantitative Risk Management kolaborasi KPPIM dan Edustats Solutions** kepada individu yang berminat (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.2).

KPPIM amat **proaktif dalam memperkasa Bumiputera Profesional** dan telah memperluas budaya pensijilan profesional kepada **keprofesionalan dalam bidang Sains Aktuari** dengan KPPIM UiTM dianugerah pengecualian **lima modul profesional dari Institute and Faculty of Actuary (IFoA), United Kingdom** untuk **program CS242**. 10 pelajar kumpulan pertama telah mendapat pengecualian modul professional IFoA manakala 90 mendapat pengecualian mengikut subjek. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.2).

Selain peperiksaan IFoA, kecemerlangan dalam **peperiksaan profesional Society of Actuaries (SOA)** disaksikan apabila Muhammad Syauqi Iman bin Shamsul Rijal dari program Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Aktuari lulus kertas **Probability (P)**. Peperiksaan ini terkenal dengan silibus yang kompleks dan mencabar. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.2).

KPPIM dan UiTM juga turut **mengambil inisiatif strategik dalam mengukuhkan reputasi UiTM** melalui **Perbincangan Meja Bulat** pada 8 September 2022 bersama **20 delegasi industri takaful terkemuka Malaysia**. Inisiatif ini menyahut salah satu **Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) bagi Kewangan Islam 2.0 (Takaful)** dengan menggalakkan lebih ramai graduan bumiputera UiTM menceburkan diri dalam profesion Aktuari (Lampiran\_Operasi\_6.5.2)

KPPIM mengutamakan **pelajar sebagai produk utama universiti** dengan memperkasa pelajar untuk ketampakan global melalui pemindahan ilmu dan kemahiran yang melibatkan bidang teknologi digital. KPPIM sentiasa memberi sokongan padu dan meraikan pelajar-pelajar yang memasuki pertandingan dalam dan luar negara. Melalui **pertandingan**, KPPIM telah melahirkan **bakat-bakat baru sebagai modal insan negara** yang mewarisi ilmu dan kemahiran. Bakat-bakat cemerlang ini direalisasi dengan kemenangan pelajar KPPIM dalam pertandingan-pertandingan kebangsaan dan antarabangsa. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.3)

Penyelidikan keselamatan risikan siber dapat dimanfaatkan secara berterusan oleh UiTM, industri dan negara dengan kelulusan **pemilikan peralatan makmal** yang telah dinaiktaraf dipindahkan kepada UiTM dan **pemilikan bersama Digital Sandbox dan Dashboard** antara UiTM dan DTSB. Kejayaan projek Digital Sandbox dan perkhidmatan makmal Security Operation Centre (SOC) telah menarik minat **Heithech Padu, TrendMicro dan Universiti Malaysia Sabah (UMS)** untuk **lawatan penanda aras** di Security

Operation Centre (SOC) Pusat Sekuriti Siber KPPIM. KPPIM telah berkongsi pengalaman dalam pembangunan Digital Sandbox dan perkhidmatan makmal SOC bagi menangkis serangan siber untuk menjamin dan memperkukuh keselamatan siber UiTM dan negara. (KPPIM\_Lampiran\_Operasi\_6.5.4)

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0085\\_O01\\_OB05\\_20231\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.5.1.pdf](#)
2. [B0085\\_O01\\_OB05\\_20232\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.5.2.pdf](#)
3. [B0085\\_O01\\_OB05\\_20233\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.5.3.pdf](#)
4. [B0085\\_O01\\_OB05\\_20234\\_KPPIM Lampiran Operasi 6.5.4.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

**Evocity:** Jalinan Kerjasama dengan Smart Integratech Sdn Bhd melalui pembangunan projek EVOCity Mobile Application, EVO Dashboard, EVO Terminal & EVO Enforce

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Program Micro Industry Hub-Industrial Research Laboratory (MIH-IRL): **Evocity** merupakan projek khas KPPIM bersama Smart Integratech Sdn Bhd yang diwujudkan oleh *Business Innovation & Technology Commercialization Center (BITCOM)* di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bertujuan melestarikan aktiviti pemindahan teknologi dan pengkomersialan produk hasil kerjasama di antara penyelidik UiTM dan pihak industri. Selari juga dengan penganugerahan **#PremierDigitalTechUniversity** yang diterima oleh KPPIM, projek jalinan kerjasama syarikat Smart Integratech SDN BHD melalui BITCOM adalah amat bertepatan. Ini bersesuaian dengan pencapaian objektif kualiti yang ingin dikecapi pihak KPPIM iaitu memastikan kecemerlangan dalam pemindahan ilmu dengan pengkomersialan produk hasil penyelidikan menjelang 2025. Pengurusan KPPIM turut melakukan pendekatan melalui Objektif Kualiti KPPIM, Petunjuk Prestasi (PI) dan Industrial Partnership iaitu projek teras bagi Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) sebagai sasaran demi menjayakan bidang tumpuan. Projek ini juga sejajar dengan objektif Pelan Strategik Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (2022-2025) iaitu *Industrial Partnership*.

KPPIM berjaya menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) pada 11 April 2022 di Canseleri, UiTM Shah Alam. Sejumlah RM304,000.00 dana bakal disalurkan oleh syarikat Smart Integratech Sdn Bhd. Projek ini berkaitan pembangunan aplikasi bagi syarikat Smart Integratech Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan berteraskan bandar pintar yang diberi nama "Evocity". Sebanyak 4 sub-projek yang akan dijalankan iaitu EVO City mobile application, EVO dashboard, EVO terminal dan EVO enforce; dimana definisi ringkas disertakan seperti dibawah

- **EVOCity application** ialah aplikasi mudah alih untuk memudahkan pengguna membayar tempat letak kereta mereka, dimana ia sudah digunapakai di seluruh Seremban.
- **EVO dashboard** adalah paparan skrin untuk kesemua data/maklumat secara keseluruhan untuk memudahkan admin/pegawai membuat laporan ataupun keputusan.
- **EVO terminal** pula merupakan peralatan yang dilengkapi dengan skrin dan menggunakan tenaga solar untuk membantu pengguna membayar tempat letak kereta di setiap kawasan tempat letak kereta. EVO terminal juga menggunakan teknologi Internet-of-things (IoT) dalam menghubungkan terminal dengan rangkaian sistem yang lain.
- **EVO enforce** lebih kepada pemantauan kepada tempat letak kereta. Objektif projek ini adalah dapat menambahbaik/menyediakan aplikasi/sistem dengan teknologi terkini dan berintegrasi dengan kesemua aplikasi/sistem berkaitan agar dapat memudahkan operasi syarikat dan mengoptimumkan penjana pendapatan.

Hasil kolaborasi bersama pihak industri Smart Integratech Sdn Bhd telah menjana pendapatan KPPIM berjumlah RM304,000.00 daripada **jumlah keseluruhan hasil penjana pendapatan KPPIM** tahun 2022 (**iaitu RM1,643,087.85**), kerjasama bersama 2 lagi pihak industri (Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan Datasonic Technologies Sdn Bhd). Hasil daripada kerjasama ini bakal memanfaatkan UiTM dari segi asset, kemahiran, penjana pendapatan dan juga peluang bagi warga UiTM menjadi ketua makmal, felo dan juga pelajar latihan industri.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_B0085\\_HB02\\_20231\\_7.1.2 TAHAP\(Level \).pdf](#)



### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_B0085\\_HB03\\_20232\\_7.1.3 TREN \(Trend \).pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_B0085\\_HB04\\_20233\\_7.1.4 PERBANDINGANTANDA ARAS \(ComparisonBenchmark \).pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_B0085\\_HB05\\_20234\\_7.1.5 KEPENTINGAN \(Importance\).pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Jalanan kerjasama Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dan UiTM (MoU) melalui KPPIM dalam memanfaatkan **Microsoft Learn for Educators (MSLE)** untuk meningkatkan kemahiran Microsoft *Future-Ready Skills*.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Seiring dengan penganugerahan **#PremierDigitalTechInstitution** pada 2022 oleh **Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)** kepada KPPIM, UiTM terus mengorak langkah dengan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Microsoft Sdn Bhd menerusi KPPIM. KPPIM merupakan **KOLEJ PERTAMA** di dalam sistem UiTM dengan pengiktirafan sebagai **#PremierDigitalTechInstitution** yang hanya diungguli oleh beberapa universiti di Malaysia. Objektif perjanjian persefahaman bersama Microsoft Sdn Bhd ini adalah (i) Menubuhkan hubungan usahasama antara UiTM dan Microsoft (Malaysia) Sdn Bhd dari segi peningkatan kebolehpakaran dalam bidang data analitik, (ii) Meningkatkan kemahiran pensyarah dan meningkatkan bilangan pensyarah yang mempunyai sijil profesional dan (iii) Memperkasakan pelajar dan memastikan pelajar mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mendorong inovasi.

Dengan termeterainya perjanjian ini, **UiTM SECARA KESELURUHANNYA** diberi kelebihan untuk memanfaatkan **Microsoft Learn for Educators (MSLE)** dalam menjadikan UiTM sebagai universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan menjelang 2025 seterusnya memperkasakan UiTM dalam menerajui pembangunan profesional melalui **TEKNOLOGI DIGITAL**, kurikulum terkini dan penyelidikan yang memberi impak tinggi. Program MSLE menyediakan peluang kepada pemegang taruh UiTM iaitu staf dan pelajar UiTM untuk meningkatkan kemahiran **Microsoft Future-Ready Skills** melalui Microsoft Learn. Ia menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini dalam mengaplikasikan perisian serta bahan kursus sediaada seterusnya menghasilkan pelajar berkualiti tinggi untuk **in-demand jobs** dan **Microsoft industry-recognized certifications**.

Beberapa siri perbincangan telah dilakukan antara KPPIM dan Microsoft sejak November 2020 diikuti dengan menandatangani memorandum persefahaman pada 10 dan 19 March 2021 antara UiTM dan Microsoft. Dengan termeterainya memorandum persefahaman dengan Microsoft ini, ianya telah memenuhi PI 2021 PI082 - *Number of MoU/MoA with Internationally Recognized Company* serta PI 2022 PI074 - *Number of activities under MoU/MoA with international industry* bagi KPPIM. Dengan perjanjian ini juga, KPPIM berjaya mendapatkan **certification license combo Exam Site Pack** sebanyak 500 dengan harga RM18,293.90 berbanding harga pasaran lebih kurang RM220,487.85 dengan **pengurangan kos sebanyak 92% (~RM202,670.65)** untuk pelajar atau staf mendapatkan sijil profesional Microsoft. Tambahan lagi, **Bengkel UiTM-Microsoft Learn** ini telah **menjana pendapatan KPPIM sebanyak RM27,600** pada tahun 2022 berbanding RM0 pada tahun 2021. Pembelian lesen ini diperlukan untuk meningkatkan bilangan pelajar yang mempunyai sijil profesional, memperkasakan pelajar dan memastikan pelajar mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam kalangan graduan di Malaysia.

Beberapa **Bengkel UiTM-Microsoft Learn** telah berjaya dijalankan sepanjang 2021 sehingga 2022 yang terdiri daripada 4 subjek teras iaitu Microsoft Azure (DP900), Microsoft Power Platform (PL900), Microsoft Azure Fundamentals (AZ900) dan Microsoft AI Fundamental (AI900). Hasil pencapaian pada tahun 2022 dalam mengendalikan **bengkel**, tambahan 3 lagi subjek pensijilan profesional Microsoft Office iaitu MO100, MO200 dan MO300 turut ditawarkan pada tahun 2023. **KOLABORASI STRATEGIK** antara UiTM dan Microsoft telah membawa kepada penubuhan **Certiport Authorized Testing Center (CATC)** pada 17 Mac 2022 dengan sepuluh orang **Microsoft Learn Educators** sebagai keperluan bagi memudahkan pensyarah dan

pejajar untuk menduduki peperiksaan pensijilan Microsoft tanpa perlu ke CATC di luar UTM. Hasil pencapaian 2022, KPPIM telah dinobatkan sebagai pemenang **TEMPAT PERTAMA** Kolaborasi Industri Terbaik Anugerah MeTIC 12/2023 yang telah disampaikan pada 30 Januari 2023 –2 Feb 2023.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0085\\_HB02\\_20231\\_7.2.2 Tahap Final.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0085\\_HB03\\_20232\\_7.2.3 Trend Final.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0085\\_HB04\\_20233\\_7.2.4 Perbandingan Tanda Aras Final2.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0085\\_HB05\\_20234\\_7.2.5 Kepentingan Final.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

***Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention*** : Projek industri@universiti berimpak tinggi di antara **Kolej Pengajian Pengkomputeran, Infomatik dan Matematik, UiTM** bersama **Datasonic Technologies Sdn. Bhd.**

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Seiring dengan penganugerahan **#PremierDigitalTechInstitution** oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) kepada 2 pusat pengajian di bawah Kolej Pengajian Pengkomputeran, Infomatik dan Matematik (KPPIM) iaitu Pusat Pengajian Sains Pengkomputeran dan Pusat Pengajian Sains Matematik, kini, KPPIM terus melangkah ke hadapan untuk mengenalpasti dan menganalisis kemungkinan jenis-jenis serangan siber melalui penubuhan **Security Operation Centre (SOC)** dan **makmal analitik data raya (BDA)**. KPPIM, UiTM telah menjadi universiti tempatan yang **#PERTAMA** yang mendapat geran **Cyber Security and Digital Forensic Computer Centre** dari Kementerian Pengajian Tinggi. Bagi merealisasikan aspirasi nasional yang bertujuan memperkasakan kolaborasi industri dan universiti, Jawatankuasa Industry Collaboration Program (ICP) Peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui mesyuarat pada 9 Julai 2021 telah meluluskan pelaksanaan projek industri@universiti berimpak tinggi di bawah (ICP) di antara **Datasonic Technologies Sdn. Bhd** (DTSB) dan KPPIM, UiTM melalui projek **Digital Sandbox Leveraging Big Data Analytics for Cyber Security Threat Prevention** dengan geran ICP sebanyak RM1,091,000.00. Sehubungan itu, pihak DTSB telah bersetuju untuk menaiktaraf makmal 11 di KPPIM, UiTM Shah Alam menjadi Makmal Keselamatan Siber dengan perkakasan dan perisian terkini yang memenuhi piawai sebagai pusat penyelidikan dalam bidang keselamatan siber dan data raya. UiTM merupakan IPTA **KEDUA** di Malaysia selain UTM yang mempunyai makmal keselamatan siber seumpamanya.

Projek ini menekankan kepada tiga (3) fokus utama yang memberikan ‘win-win situation’ kepada **UiTM** dan **Datasonic Technologies Sdn. Bhd** iaitu (1) **Pemindahan Teknologi dan Pengetahuan** (2) **Pembangunan Sumber Manusia** (3) **Penyelidikan, Pembangunan, dan Pengkomersilan**. Ketiga-tiga fokus utama ini telah berjaya dicapai. Program pemindahan teknologi dan pengetahuan telah dijalankan melalui dua kaedah iaitu (1) **Latihan dan pensijilan Professional**, dan (2) **Khidmat Penggunaan Infrastruktur Makmal**. Dua program latihan dengan pensijilan yang diiktiraf oleh Microsoft Azure dan ELITE (Elevating IT Education in Cyber Security) program berjaya dijalankan, iaitu **Big Data Analytics Training dan Cyber Security Training** pada tahun 2022. Melalui program ini, Objektif Kualiti KPPIM telah dicapai iaitu **PI088– Bilangan staf dengan kelayakan profesional**. 5 staf di KPPIM telah mendapat pensijilan profesional keselamatan siber iaitu **Certified EC Council Instructor**. Latihan yang diadakan di **CxDA@UiTM : Cybersecurity Data Analytics Hub**, KPPIM, UiTM Shah Alam dihadiri oleh 14 orang peserta untuk Big Data Analytics Training dan 22 orang peserta untuk Cyber Security Training. Selain itu, projek ini turut berjaya menyumbang kepada **Pembangunan Sumber Manusia** di mana lima orang bekas pelajar KPPIM telah diterima sebagai protégé oleh pihak Datasonic Corporation Bhd dan ditempatkan di KPPIM selama 8 bulan. Mereka menerima bayaran elaun sebanyak RM2000 sebulan setiap orang bermula 1 Mac 2022 hingga 31 Oktober 2022. Projek ini turut mencapai sasarannya menerusi aktiviti **Penyelidikan, Pembangunan, dan Pengkomersilan** dengan terhasilnya satu produk Keselamatan, Maklumat dan Pengurusan (**SIEM**) yang **PERTAMA** di **MALAYSIA** iaitu **#Digital Sandbox**. Sebagai **PENERAJU** SIEM di Malaysia, **#Digital Sandbox** dapat memberi notifikasi awal berkaitan sebarang serangan atau pencerobohan keatas rangkaian sistem secara “real-time”. KPPIM sedang berbincang bersama BITCOM, UiTM untuk mencapai kata sepakat dalam proses pengkomersilan produk **#Digital Sandbox** ini.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_B0085\\_HB02\\_20231\\_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.2 TAHAP.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_B0085\\_HB03\\_20232\\_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.3 TREN.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0085\\_HB04\\_20233\\_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0085\\_HB05\\_20234\\_KPPIM Lampiran Hasil 7.3.5 KEPENTINGAN.pdf](#)